KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
METrO BETONG SARAWAK

BULETIN
SUARA SADOK 2025
EDISI KE-6
POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

PERMATA SADOK:
"ASPIRASI CEMERLANG MENJULANG KEJAYAAN"

https://www.pmbs.edu.my politeknikmetrobetongsarawak Politeknik METrO Betong Sarawak
PolyMETrO Betong Sarawak politeknikmetrobetong 083-472676 083-472991

SUARA SADOK

EDISI KEENAM, 2025

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak

e ISSN: 2735-1793

Diterbitkan oleh:

Politeknik METrO Betong Sarawak

1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong,
Jalan Baru Betong,
95700 Betong Sarawak

KANDUNGAN

PRAKATA PENGARAH 4

PENA KETUA EDITOR 5

VISI DAN MISI 6

SEJARAH PMBS 7

SELAMAT DATANG 8

SOROTAN AKTIVITI 2025 11

PENCAPAIAN INSTITUSI 95

PENCAPAIAN PELAJAR 106

SEMARAK BUDI KENANGAN ABADI 118

INSPIRASI ILMIAH 121

SIDANG REDAKSI 195

HEBAHAN 196

PRAKATA PENGARAH

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Syukur ke hadrat Tuhan kerana dengan limpah kurnia-Nya, penerbitan e-Buletin Suara Sadok Edisi Keenam dapat direalisasikan dengan jayanya. Berteraskan tema “Aspirasi Cemerlang Menjulang Kejayaan”, e-buletin ini mencerminkan komitmen, semangat serta iltizam seluruh warga Politeknik METrO Betong, Sarawak dalam mendukung kecemerlangan institusi.

Sepanjang tahun 2025, pelbagai pencapaian, program dan aktiviti bermakna telah berjaya dilaksanakan. Kejayaan ini bukan sahaja memperkukuh imej dan kualiti institusi, malah menjadi pemangkin aspirasi kepada pelajar, warga kerja serta komuniti setempat. Setiap pengisian yang dipaparkan melambangkan usaha berterusan dalam merealisasikan visi melahirkan graduan yang kompeten, inovatif dan berdaya saing.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada pasukan Jawatankuasa Suara Sadok atas komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam menjayakan penerbitan ini. Usaha dan kerjasama yang ditunjukkan amat dihargai dan wajar dijadikan contoh.

Akhir kata, semoga Buletin Suara Sadok Edisi Keenam ini menjadi medium dokumentasi berinformasi serta sumber inspirasi kepada seluruh warga politeknik untuk terus melakar kecemerlangan dan menjulang kejayaan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

PENGARAH
TS. SHIRLEY ANAK PHILLIP

PENA KETUA EDITOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Berteraskan tema “Aspirasi Cemerlang Menjulang Kejayaan,” Buletin Suara Sadok Edisi Keenam diterbitkan sebagai wadah yang menzahirkan komitmen serta usaha berterusan warga Politeknik METrO Betong Sarawak dalam mencapai kecemerlangan pada tahun 2025.

Buletin ini memaparkan pencapaian, program dan aktiviti sepanjang tahun 2025 serta menjadi medium perkongsian idea dan kreativiti warga politeknik.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada jawatankuasa Suara Sadok atas dedikasi dan kerjasama yang diberikan bagi memastikan penerbitan ini berjalan dengan lancar.

Semoga Buletin Suara Sadok Edisi Keenam ini menjadi sumber inspirasi dan kebanggaan kepada seluruh warga Politeknik METrO Betong Sarawak.

Sekian, terima kasih.

KETUA EDITOR
AMYDISYUKRIE BIN MD. YUSOFF

VISI

MENJADI PENERAJU INSTITUSI TVET YANG UNGGUL

MISI

MENYEDIAKAN AKSES YANG MELUAS KEPADA PROGRAM TVET BERKUALITI DAN DIIKTIRAF

MEMPERKASA KOMUNITI MELALUI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

MELAHIRKAN GRADUAN HOLISTIK, BERCIRI KEUSAHAWANAN DAN SEIMBANG

MEMANFAATKAN SEPENUHNYA PERKONGSIAN PINTAR DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

SEJARAH
POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah mula beroperasi pada bulan November 2012 dengan bilangan staf seramai 18 orang. Walaubagaimanapun, operasi sementara berpusat di Kampus Politeknik Kuching, Sarawak, Jalan Matang sehingga 19 Februari 2013 sebelum berpindah ke kampus tetap di Betong dan telah memulakan pengambilan pertama pelajar pada Jun 2013.

PMBS merupakan sebuah institusi pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan sosio ekonomi tempatan dan wilayah dalam bidang tertentu terutamanya bagi keperluan sektor perkhidmatan yang semakin meningkat, sama ada pada peringkat industri kecil dan sederhana (IKS) mahupun syarikat multi-nasional.

Penubuhan Politeknik METrO Betong Sarawak adalah seiring dengan agenda transformasi negara iaitu meningkatkan daya saing melalui pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi terutamanya dalam aspek menjana modal insan yang serba boleh dan mampu berubah dalam persekitaran pasaran kerja yang dinamik. Sasaran utama pelajar di Politeknik METrO Betong Sarawak adalah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta golongan pekerja (working adults) yang ingin meningkatkan kemahiran melalui program upskilling dan reskilling. Pembelajaran di PMBS mengutamakan pendekatan Online Virtual and Distance Learning (OVDL) sebagai sebahagian daripada kerangka e-Learning. Tenaga pengajarnya terdiri daripada individu yang berpengalaman luas dalam industri, memastikan pengajaran berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa.

PMBS mempunyai dua jabatan akademik utama, iaitu Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta Jabatan Perdagangan dan disokong oleh Unit Pengajian Am. PMBS kini menawarkan program Diploma Kewangan dan Diploma Pengurusan Pelancongan yang direka untuk memenuhi keperluan pasaran kerja dan aspirasi pelajar.

SELAMAT DATANG

POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

2025

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
POLITEKNIK MALAYSIA
METrO BETONG SARAWAK
SELAMAT DATANG
ENCIK MERVIN GUMBA ANAK SIGAI
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Selamat Bertugas
DI
Politeknik METrO Betong Sarawak
Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak
MALAYSIA MADANI
POLYCCOfficial
www.mypolycc.edu.my
POLYCC
https://www.pmbs.edu.my
politeknikmetrobetongsarawak
Politeknik METrO Betong Sarawak
PolyMETrO Betong Sarawak
politeknikmetrobetong
083-47267
083-472991

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
POLITEKNIK MALAYSIA
METrO BETONG SARAWAK
SELAMAT DATANG
ENCIK DARREN JASON ANYI
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Selamat Bertugas
DI
Politeknik METrO Betong Sarawak
Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak
MALAYSIA MADANI
POLYCCOfficial
www.mypolycc.edu.my
POLYCC
https://www.pmbs.edu.my
politeknikmetrobetongsarawak
Politeknik METrO Betong Sarawak
PolyMETrO Betong Sarawak
politeknikmetrobetong
083-47267
083-472991

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
POLITEKNIK MALAYSIA
METrO BETONG SARAWAK
SELAMAT DATANG
PUAN NATASHA BIJA DANIEL
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Selamat Bertugas
DI
Politeknik METrO Betong Sarawak
Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak
NATASHA
MALAYSIA MADANI
POLYCCOfficial
www.mypolycc.edu.my
POLYCC
https://www.pmbs.edu.my
politeknikmetrobetongsarawak
Politeknik METrO Betong Sarawak
PolyMETrO Betong Sarawak
politeknikmetrobetong
083-47267
083-472991

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
POLITEKNIK MALAYSIA
METrO BETONG SARAWAK
SELAMAT DATANG
CIK HAIRUNISA HAMIZ BINTI HAIRI
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Selamat Bertugas
DI
Politeknik METrO Betong Sarawak
Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak
HAIRUNISA
MALAYSIA MADANI
POLYCCOfficial
www.mypolycc.edu.my
POLYCC
https://www.pmbs.edu.my
politeknikmetrobetongsarawak
Politeknik METrO Betong Sarawak
PolyMETrO Betong Sarawak
politeknikmetrobetong
083-47267
083-472991

SOROTAN AKTIVITI 2025

JANUARI

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II 2024/2025 | 6 JANUARI 2025

6 Januari 2025, telah berlangsung sesi pendaftaran pelajar baharu bagi program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan di Politeknik METrO Betong Sarawak. Seramai 21 orang pelajar telah mendaftar pada sesi II 2024/2025 kali ini.

Setelah selesai sesi pendaftaran tersebut program disusuli dengan amanat daripada Puan Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak Yang Berusaha Ts. Shirley Anak Phillip dan seterusnya sesi soal jawab bersama dengan ibu-bapa pelajar-pelajar bagi menerangkan kepada ibu bapa pelajar serba sedikit tentang maklumat institusi dan bantuan-bantuan pelajaran yang disediakan bagi meringankan beban pelajar-pelajar tersebut.

MINGGU TRANSFORMASI SISWA POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK | 6 - 9 JANUARI 2025

6 sehingga 9 Januari 2025, telah berlangsung Minggu Transformasi Siswa Politeknik METrO Betong Sarawak yang menyasarkan kepada pelajar-pelajar baharu Politeknik METrO Betong Sarawak.

Program selama tiga hari ini adalah bagi memberi pendedahan dan informasi kepada pelajar-pelajar baharu tentang perjalanan kehidupan selaku pelajar Politeknik. Kesemua pelajar yang menjalani Minggu Transformasi Siswa ini telah berjaya menamatkan program ini dengan jayanya dengan bantuan para pensyarah dan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak.

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN 2024 POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

16 JANUARI 2025

16 Januari 2025, telah berlangsung di Politeknik METrO Betong Sarawak, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan 2024 yang bertempat di Bilik Kuliah 5 dan Bilik Kuliah 6, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Mesyuarat ini diadakan bagi mengkaji semula tentang prestasi-prestasi institusi secara keseluruhan pada tahun 2024 di samping membincangkan penambahbaikan yang boleh dilakukan pada tahun 2025.

Melalui input dari Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan 2024 ini, PMBS akan terus berusaha dengan cemerlang di dalam memberikan servis yang terbaik kepada pelajar dan juga komuniti khususnya komuniti di daerah Betong.

PROGRAM MAJLIS AMANAT PENGARAH POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK 20 JANUARI 2025

20 Januari 2025, berlangsung Program Majlis Amanat Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak kepada pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan di Sri Metro Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Program yang dianjurkan ini adalah bagi memberikan amanat daripada Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak, Yang Berusaha Ts. Puan Shirley Anak Phillip tentang displin dan pengharapan beliau terhadap kesemua pelajar-pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak di samping menyerbarkan aspirasi Institusi di dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi Kurikulum dan juga kokurikulum.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT PELAJAR BAHARU SESI II 2024/2025 17 JANUARI 2025

17 Januai 2025, telah berlangsung Program Literasi Maklumat Pelajar Baharu Sesi II 2024/2025 bertempat di perpustakaan Politeknik METrO Betong sarawak.

Literasi Maklumat adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan dan merangkumi kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam apa jua format serta mengggunakan maklumat tersebut secara aktif.

Seramai 18 orang pelajar baharu telah hadir ke program ini dan diharap dapat memberi manfaatkan kepada mereka.

CERAMAH ISRAK DAN MIKRAJ YANG BERTAJUK PERJALANAN MENUJU KEREDHAAN | 23 JANUARI 2025

23 Januari 2025, telah berlangsung program ceramah Israk dan Mikraj yang bertajuk Perjalanan Menuju Keredhaan yang dianjurkan oleh kelab Rakan Surau Politeknik METrO Betong Sarawak.

Ceramah ini telah disampaikan oleh Ustaz Abang Abdul Rajak Bin Abang Julaihi, Pegawai dari Pejabat Agama Islam Bahagian Betong adalah bagi mengisi program-program di surau Politeknik METrO Betong Sarawak.

PERTANDINGAN FUN ORIENTEERING 24 JANUARI 2025

24 Januari 2025, telah berlangsung pertandingan Fun Orienteering Politeknik METrO Betong Sarawak anjuran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) , Politeknik METrO Betong Sarawak.

Pertandingan yang dianjurkan ini adalah bagi memastikan Warga Politeknik METrO Betong Sarawak dapat mengimbangi antara tugasan harian dan juga menjaga kesihatan warganya.

MAJLIS PERHIMPUNAN STAF PMBS 27 JANUARI 2025

27 Januari 2025, telah berlangsung Majlis Perhimpunan Staf PMBS yang diadakan di Sri METrO Gemilang, PMBS. Perhimpunanan yang merupakan perhimpunan yang pertama bagi tahun 2025 bertemakan warna merah seiring perayaan Tahun Baru Cina yang akan disambut tidak lama selepas perhimpunan ini.

Majlis ini turut memberi penghargaan kepada kakitangan PMBS yang telah menunjukkan kecemerlangan sepanjang bulan November & Disember 2024 dan Januari 2025 termasuklah sesi penyampaian hadiah kepada En. Abg Alif Bin Abg Raduan yang akan berpindah.

FEBRUARI

PEMBENTANGAN MANIFESTO BAKAL JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR PMBS | 4 FEBRUARI 2025

4 Februari 2024, telah berlangsung pembentangan Manifesto oleh calon-calon Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) dihadapan pelajar-pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak.

Calon-calon ini akan bertanding bagi merebut kerusi umum dan kerusi jabatan bagi menjadi wadah dan wakil kepada suara pelajar di institusi PMBS.

PILIHANRAYA JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR (JPP) 5 FEBRUARI 2025

5 Februari 2025, telah berlangsung sesi pembuangan undi daripada pelajar-pelajar Politeknik METrO Betong Sarawakn bagi memilih Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang akan menjadi wakil suara mereka di institusi.

Seramai 99.53 peratus pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah membuang undi bagi memilih wakil yang akan mejadi wakil suara dan wadah mereka.

MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN PMBS SESI I : 2024/2025 11 FEBRUARI 2025

11 Februari 2025, telah berlangsung Majlis Anugerah Ketua Jabatan PMBS Sesi I : 2024/2025 bertempat di Dewan Sri Metro Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Seramai 82 orang pelajar PMBS telah diraikan dalam majlis tersebut dan majlis tersebut juga merupakan penghargaan kepada pelajar atas kejayaan mereka memperoleh PNM 3.50.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah PMBS, Pn. Emirudziawati Binti Juni.

MAJLIS LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA PENGARAH (GOVERNAN) JPPKK KE POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK DAN KOLEJ KOMUNITI BETONG 24 FEBRUARI 2025

24 Februari 2025, telah berlangsung Lawatan Kerja Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti iaitu Yang Berusaha Ts. Tuan Haji Kamaludin Bin Daud ke Politeknik METrO Betong Sarawak dan Kolej Komuniti Betong.

Lawatan kerja yang turut disertai oleh Pengarah-pengarah POLYCC Zon Sarawak ini dimulakan dengan sesi lawatan atau "walk about" di sekitar Politeknik METrO Betong Sarawak dan Kolej Komuniti Betong dan setelah itu disusuli dengan sesi libat urus bersama staf dan warga Politeknik METrO Betong Sarawak dan staf Kolej Komuniti Betong dan Penerangan Penubuhan Muafakat POLYCC.

Sesi seterusnya diteruskan dengan Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak

MESYUARAT AGUNG KOPERASI PMBS 28 FEBRUARI 2025

28 Februari 2025, telah berlangsung Mesyuarat Agung Koperasi PMBS yang dihadiri oleh kesemua ahli Koperasi Politeknik METrO Betong Sarawak yang terdiri daripada pelajar dan staf Politeknik METrO Betong Sarawak.

Di dalam mesyuarat tersebut juga pihak koperasi PMBS telah mengumumkan kenuntungan berserta agihan dividen kepada ahli-ahli Koperasi PMBS.

PROGRAM SUKAN RAKYAT : MAIN ASAL KITAI | 28 FEBRUARI 2025

28 Februari 2025, telah berlangsung Program Sukan Rakyat: Main Asal Kitai yang dianjurkan oleh Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan Politeknik METrO Betong Sarawak di PMBS.

Program sukan rakyat yang disertai oleh kesemua warga dan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak ini adalah bagi merapatkan hubungan warga dan juga pelajar-pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak.

Antara acara sukan yang dipertandingkan ialah, Batu Seremban, Lastik Getah, Batang Lidi dan Serigala. Di samping itu, terdapat juga pendaftaran bagi pelajar-pelajar yang ingin menyertai kelab-kelab dan persatuan yang ditawarkan di Politeknik METrO Betong Sarawak.

HARI TERBUKA GERAKAN PENGGUNA SISWA POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK | 28 FEBRUARI 2025

28 Februari 2025, telah berlangsung Hari Terbuka Gerakan Pengguna Siswa Politeknik METrO Betong Sarawak dengan sambutan yang menggalakkan daripada warga kampus. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar tentang hak dan tanggungjawab sebagai pengguna bijak.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah pendaftaran ahli baharu, kuiz kepenggunaan serta permainan interaktif Roda Pengguna. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan, malah memberi pendedahan tentang kepentingan amalan kepenggunaan yang beretika.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya memupuk kesedaran dan minat pelajar terhadap isu kepenggunaan di peringkat institusi.

MAC

PERHIMPUNAN BULANAN PMBS (MAC) 14 MAC 2025

14 Mac 2025, telah berlangsung Perhimpunan Bulanan PMBS di Sri Metro Gemilang Politeknik METrO Betong Sarawak.

Acara dimulakan dengan mendengar amanat daripada Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak dan diikuti dengan penganugerahan pekerja contoh bagi bulan Februari dan Mac.

PROGRAM REWANG RAMADHAN 2025
18 MAC 2025

18 Mac 2025, telah berlangsung Program Rewang Ramadhan 2025. Program dimulakan dengan kursus PSH Pembuatan dan Penyediaan Bubur Lambuk dan seterusnya Warga PMBS bersama-sama pelajar bergotong royong di dalam menyediakan Bubur Lambuk tersebut.

Bubur-bubur lambuk tersebut juga telah diagihkan kepada seluruh Warga PMBS dan juga pelajar-pelajar PMBS termasuk beberapa agensi yang berdekatan dengan PMBS seperti Bank Rakyat, Agro Bank dan Bank Simpanan Nasional , Betong.

MAJLIS KHATAMAL AL-QURAN DAN BERBUKA PUASA POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK
20 MAC 2025

20 Mac 2025, telah berlangsung Majlis Khatamal Al-Quran dan Berbuka Puasa Politeknik METrO Betong Sarawak yang bertempat di dewan Sri Metro Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Majlis dimulakan dengan Khatamal Al-Quran dan penyampaian hadiah dan sijil kepada pemenang-pemenang program Ihya Ramadan PMBS 2025. Majlis yang juga merupakan majlis kemuncak bagi program Ihya Ramadan PMBS 2025, ini disusuli pula dengan majlis berbukan puasa di antara pelajar-pelajar PMBS dan Warga PMBS.

KUNJUNGAN ICATS DAN SARAWAK CULTURAL VILLAGE KE POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK 20 MAC 2025

20 Mac 2025, telah berlangsung kunjungan hormat ICATS, Kuching dan Sarawak Cultural Village ke Politeknik METrO Betong Sarawak.

Kunjungan tersebut adalah bagi membincangkan kolobarasi yang akan berlaku di antara Politeknik METrO Betong Sarawak bersama kedua-dua agensi tersebut dan diharap kerjasama yang terjalin ini akan diteruskan bagi memberikan impak kepada kepada pelajar-pelajar PMBS di dalam persediaan mereka bagi memasuki industri kelak.

KURSUS PEMPROSESAN PRODUK HILIRAN TERUNG ASAM 20 MAC 2025

20 Mac 2025, telah berlangsung Kursus Pemprosesan Produk Hiliran Terung Asam bertempat di Rumah Panjang Ajong,Padeh Betong.

Seramai 27 orang peserta, 3 orang tenaga pengajar dari Jabatan Pertanian Bahagian Betong Sarawak dan 13 orang staf daripada RISDA Bahagian Betong turut serta dalam kursus ini.

Matlamat kursus ini adalah memberikan peluang kepada komuniti belajar berkenaan produk yang boleh dihasilkan dan dikomersialkan daripada terung asam. Pada akhir kursus, peserta dapat membawa pulang ilmu pengetahuan mengenai produk yang dapat dihasilkan daripada buah terung asam

KURSUS PEMBUATAN KUIH BONGKOL SARAWAK | 21 MAC 2025

21 Mac 2025, di Politeknik METrO Betong Sarawak, dengan penyertaan PERKEP IPD Betong dan komuniti setempat Kursus Pembuatan Kuih Bongkol telah dilaksanakan.

Kursus ini bertujuan memelihara warisan kulinari, kursus ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik pembuatan kuih bongkol yang autentik dan berkualiti. Selain memperkasa kemahiran kulinari, ia turut menghidupkan keunikan makanan tradisional.

KUNJUNGAN HORMAT POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK KE PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BETONG | 28 MAC 2025

25 Mac 2025, Politeknik METrO Betong Sarawak telah melaksanakan kunjungan ke Pejabat Pendidikan Daerah Betong bagi membincangkan program-program yang akan dijalankan bersama dengan sekolah-sekolah menengah di daerah Betong.

Beberapa program yang menarik telah dirangka oleh Politeknik METrO Betong Sarawak dengan kerjasama PPD di dalam mempromosikan pendidikan TVET di sekolah-sekolah Daerah Betong.

APRIL

TRAVEL STORYTELLING COMPETITION POLYCC | 4 APRIL 2025

Tahniah diucapkan kepada pelajar semester 4 Diploma Pengurusan Pelancongan Saudara Muamar Khalifah Al Mukmin Zamil kerana telah mendapat tempat keempat bagi pertandingan Travel Storytelling Competition (Video) Kategori Polycc.

Semoga pelajar-pelajar PMBS terus cemerlang dan gemilang.

NEW BREED MARKETING ENTREPRENEUR | 17 APRIL 2025

Program “New Breed Marketing Entrepreneur” telah berjaya dilaksanakan pada 17 April lalu di Dewan Sri Metro Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Program ini merupakan satu kolaborasi antara Politeknik METrO Betong Sarawak dan FAMA, dengan kerjasama CENTEX serta Kolej Komuniti Betong. Ia menghimpunkan sesi perkongsian ilmu daripada usahawan-usahawan berjaya seperti Anas Popcorn, Nang Ori dan beberapa lagi ikon keusahawanan tempatan.

Perkongsian tersebut telah memberi inspirasi kepada para pelajar dari PMBS, CENTEX dan Kolej Komuniti Betong yang hadir.

GOTONG ROYONG PERDANA DAN AUDIT DALAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) BIL. 1 / 2025 | 21 - 23 APRIL 2025

Sebagai persediaan Audit Dalaman EKSA yang akan diadakan pada 21 April 2025 hingga 23 April 2025 JK Induk EKSA akan mengadakan Program Gotong-royong Perdana pada 17 April 2025.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mengekalkan keceriaan dan persekitaran kondusif seperti mana dalam amalan EKSA. Aktiviti gotong-royong ini memberi tumpuan kepada seluruh bangunan dan persekitaran pejabat agar kelihatan bersih, teratur dan selamat.

Diharap agar semua warga PMBS tetap memberi komitmen yang tinggi dalam mengekalkan persekitaran PMBS yang lebih Kondusif.

PROGRAM STUDENT PROJECT EXHIBITION(SPEx) SESI II :2024/2025 | 22 APRIL 2025

Program yang berkonsepkan pameran dan pertandingan di kalangan pelajar-pelajar DUP dan DKB dimana mereka telah membentangkan produk akhir kepada panel juri yang telah dilantik. Seramai tiga panel juri daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cik Norazimah binti Mejri, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) , Cik Athifah binti Bolhassan dan Kolej Komuniti Betong , Encik Syazwan Marwan bin Abdul Rahim telah dilantik untuk membantu dalam menilai pembentangan dan produk pelajar.

Program ini juga dapat menjadi satu sumbangan pelajar-pelajar pmbs terhadap komuniti dan bertepatan dengan objektif TVET di mana objektif melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik namun dapat memberi sumbangan yang bermanfaat kepada masyarakat. Justeru itu, program ini diadakan bagi menghargai hasil kreativiti para pelajar agar terus berusaha ke arah kecemerlangan seiring dengan misi dan visi politeknik.

Bagi jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan, kategori Anugerah Emas dalam Tourism Project dimenangi oleh Jenga Escapades dan Nomad Table. Anugerah Perak dimenangi oleh Rain'eo dan Meja Ber Mancala, Anugerah Gangsa dimenangi MALV Kit, Sarawak Soccer Board Games (SSBG) dan Purrlaxx Table.

Manakala bagi jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan dalam Business Project, Anugerah Emas dimenangi oleh Premium Amplang dan Terung Asam Jelly Bites, Anugerah Perak dimenangi oleh Green Bites dan Clash to Cash. Anugerah Gangsa dimenangi oleh Flexi Bag.

JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT | 23 APRIL 2025

Program “Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit” telah berlangsung dengan jayanya pada 23 April 2025. Bertemakan "Nikmati Saat Ini", program ini bertujuan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan warga PMBS serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan amalan membaca dalam kehidupan seharian.

Program yang dianjurkan pada setiap tahun ini juga turut disertai oleh Kelas PPKI Sekolah Kebangsaan Abang Abdul Kadir dan ia adalah sebagai salah satu usaha memperkasakan mereka dalam bidang literasi. Penglibatan ini dapat membantu membina keyakinan diri pelajar, menggalakkan interaksi sosial yang positif serta memberi pendedahan kepada aktiviti membaca dalam suasana yang menyeronokkan dan inklusif.

CSR - TOWNSHIP SPRUCENESS WITH COMMERCE STUDENTS | 23 APRIL 2025

Bersempena Commerce UPA Days pada 23 April 2025 lalu, seramai 11 orang pelajar Diploma Kewangan DFI2A terlibat dalam CSR - Township Spruceness with Commerce Students di Sekitar Bandar Baru Betong, Sarawak.

Program ini bertujuan memupuk kesedaran pelajar tentang kepentingan penjagaan alam sekitar dan menjadi sebahagian penyumbang kepada tanggungjawab sosial Politeknik METrO Betong Sarawak.

Diharapkan agar program seumpama ini dapat diteruskan agar mendapat persekitaran yang kondusif di dalam keselesaan pembelajaran terutamanya di kalangan pelajar-pelajar PMBS.

PERSEDIAAN HARI INI,KEJAYAAN ESOK | 24 APRIL 2025

Satu pengalaman berharga buat semua pelajar Semester 5 Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan apabila mereka berpeluang menyertai Sesi Mock Interview yang telah diadakan pada 24 April 2025 yang lalu.

Dengan kehadiran panel temuduga jemputan istimewa daripada Aspire Group Malaysia (AGM) yang diwakili oleh Pn. Anna Ganai dan Pn. Marcella Shareen serta Cikgu Billy James daripada SMK St. Augustine, Betong, suasana temu duga terasa begitu realistik dan profesional. Pelajar bukan sahaja diuji dari segi komunikasi dan keyakinan diri, malah menerima maklum balas membina yang sangat berguna untuk persediaan mereka ke dunia pekerjaan sebenar.

Inisiatif ini adalah salah satu usaha Unit Pengajian Am Politeknik METrO Betong untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga bersedia dari segi 'soft skills' dan beretika profesional.
Terima kasih kepada semua yang terlibat! Kami percaya, langkah kecil ini bakal membawa impak besar dalam perjalanan kerjaya para pelajar kami.

PROGRAM PERANCANGAN KERJAYA 2025 | 26 APRIL 2025

Pada 26 April 2025 yang lalu, telah berlangsung PROGRAM PERANCANGAN KERJAYA 2025 di Dewan Sri Metro Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak anjuran Pertubuhan Alumni Politeknik METrO Betong Sarawak. Program ini sedkit sebanyak dapat membuka mata pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak tentang realiti dunia kerja dan peluang kerjaya hebat yang menanti!

Kami berterima kasih kepada penceramah luar biasa yang sudi berkongsi pengalaman yang terdiri daripada:
Mr. Frankie Kho Chie Kian (Sarawak Tourist Guide Association)
Cik Ellya Emelda Rochellow Anak Ajon (Business Events Sarawak - juga merupakan Alumni Politeknik METrO Betong Sarawak)
Encik Kevin Nila Christopher Nangai (Sarawak Tourism Board)
Encik Khairul Bin Sapiee (Greenery Borneo Travel & Tours Sdn. Bhd. - juga merupakan Alumni Politeknik METrO Betong Sarawak).

Tidak lupa juga buat Puan Imelda anak Richard Fuchau, Penasihat Pertubuhan Alumni Politeknik METrO Betong, atas sokongan dan dorongan kepada generasi masa depan!

LATIHAN PENGOSONGAN BANGUNAN PMBS | 28 APRIL 2025

Pada 28 April 2025 yang lalu telah berlangsung Latihan Pengosongan Bangunan PMBS. Program ini merupakan program anjuran Jawatankuasa Kesihatan & Keselamatan Pekerja (JKKP) Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) dengan kerjasama pihak Balai Bomba dan Penyelamat Betong yang telah melibatkan 10 orang pegawai dan 2 jentera Bomba.

Program dimulakan dengan simulasi kecemasan kebakaran di kawasan bangunan PMBS dan seterusnya taklimat ringkas berkenaan kawalan kecemasan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pegawai Bomba dan Penyelamat dari balai Betong yang diketuai oleh PPgB Muhammad Badrulamin Bin Mohamad Fodzi dan pasukannya kerana sudi meluangkan masa bersama warga PMBS.

Diharap program sebegini dapat diteruskan lagi untuk memberi pengalaman dan kesedaran tentang bahaya dan tindakan yang bertepatan jika berlaku kebakaran bagi mengelakkan berlakunya kehilangan nyawa dan harta benda.

MEI

MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL GAWAI 2025 PERINGKAT BAHAGIAN BETONG | 09 MEI 2025

Majlis Perasmian Karnival Gawai 2025 Peringkat Bahagian Betong telah berlangsung pada 9 Mei 2025 bertempat di Politeknik METrO Betong Sarawak. Ia disempurnakan oleh Encik Laga Kueh, Pegawai Daerah Betong.

Karnival Gawai 2025 ini menampilkan pelbagai acara menarik termasuk persembahan kebudayaan yang bertujuan meraikan tradisi masyarakat setempat serta memupuk semangat perpaduan. Penganjuran majlis ini turut diharap dapat meningkatkan penglibatan komuniti dalam aktiviti kebudayaan dan mempromosikan keunikan warisan tempatan.

SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA 2025 | 15 MEI 2025

Sempena sambutan Hari Belia Negara 2025 yang lalu, Pelajar-pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah menjayakan Majlis Bacaan Ikrar Belia bertempat di Dewan Sri METrO Gemilang, PMBS.

Majlis bacaan ikrar yang dilaungkan serentak pada 15 Mei 2025 ini, dilaungkan dengan penuh semangat dan patriotisme menandakan tekad dan iltizam para pelajar untuk terus menjadi belia yang berilmu, berintegriti dan berdaya saing demi Malaysia tercinta.

Bertemakan Yakin Boleh diharapkan para belia dan pelajar-pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak akan terus gemilang baik dari segi pembelajaran dan juga bidang kokurikulum.

BENGKEL ASAS PSIKOLOGI DAN UJIAN INVENTORI PERSONALITI | 15 MEI 2025

Telah berlangsung pada 15 Mei 2025 yang lalu Bengkel Asas Psikologi dan Ujian Inventori Personaliti di bilik TECC, PMBS anjuran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, PMBS. Bengkel yang disampaikan oleh Puan Nur Hamni Binti Sazali, Pegawai Tadbir (Psikologi) dari Jabatan Agama Islam Sarawak ini merupakan bengkel asas tentang pengurusan psikologi dan ujian bagi mengetahui personaliti individu di dalam menguruskan kehidupan seharian mereka.

Terima kasih diucapkan kepada Puan Erma Suryani binti Haji Ja'far, Pegawai Hal Ehwal Islam (Sosial), Jabatan Agama Islam Sarawak dan Puan Nur Hamni Binti Sazali, Pegawai Tadbir (Psikologi), Jabatan Agama Islam Sarawak kerana sudi hadir dan memberikan sedikit ilmu berkaitan asas psikologi dan membuat ujian inventori persnonaliti warga PMBS untuk warga lebih mengetahui kekuatan dan kekurangan diri di samping ia juga dapat digunakan bagi menguruskan urusan pelajar-pelajar di Politeknik METrO Betong Sarawak.

PERHIMPUNAN BULANAN PMBS KETIGA | 22 MEI 2025

Telah berlangsung pagi tadi 22 Mei 2025, Perhimpunan Bulanan PMBS kali ke tiga di Dewan Sri Metro Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Bertemakan Perayaan Gawai, perhimpunan bulanan kali ini dimulakan dengan amanat oleh Puan Pengarah Politeknik METrO Betong Sarwak iaitu YBrs Ts. Puan Shirley Anak Phillip dan diikuti dengan penyampaian anugerah pekerja contoh bagi bulan April dan Mei 2025.

Tahniah diucapkan kepada Cik Rohanisah Binti Sahari dan Encik Gregory Anak Nelson Awai bagi penganugerahan pekerja contoh bagi bulan April 2025 dan juga Encik Amydisyukrie bin Md. Yusoff dan Puan Evelyn Anak Frankling Tegik bagi penganugerahan pekerja contoh bagi bulan Mei 2025.

Semoga PMBS terus gemilang didalam memberikan servis yang terbaik kepada pelajar dan komuniti Betong .

SARAWAK HARVEST AND FOLKLORE FESTIVALS 2025 | 24-25 MEI 2025

Pada 24 dan 25 Mei 2025 yang lalu, seramai 40 orang pelajar Program Diploma Pengurusan Pelancongan, Politeknik METrO Betong Sarawak telah berpeluang bagi merasai pembelajaran berasaskan pengalaman di program "Sarawak Harvest and Folklore Festival 2025, anjuran Kampung Budaya Sarawak.

Program selama dua hari ini merupakan sebuah program bagi mempromosikan budaya masyarakat Sarawak dan disusuli dengan pementasan "Rentap : The Battle of Bukit Sadok" pada malam harinya. Para pelajar diberikan peluang merasai pengalaman bagi penganjuran program yang bertaraf antarabangsa yang juga merupakan faktor tarikan pelancong ke sesebuah tempat.

Terima kasih diucapkan kepada pengurusan Kampung Budaya Sarawak kerana telah memberikan peluang yang berharga kepada para pelajar ini bagi merasai sendiri pengalaman di dalam mengendalikan program yang bertaraf antarabangsa.

Semoga apa yang dipelajari oleh para pelajar melalui pengalaman ini dapat menyediakan para pelajar apabila mereka memasuki industri kelak.

JUN

POLYCC MALAYSIA CIVIL DEFENCE ANNUAL CAMP AND COMMISSIONING (MalCiDAC) | 13-18 JUN 2025

Tahniah kepada 4 orang pelajar wakil PMBS dan semua wakil PolyCC Zon Sarawak yang telah bertanding dengan penuh semangat dan dedikasi di 1st POLYCC MALAYSIA CIVIL DEFENCE ANNUAL CAMP AND COMMISSIONING (MalCiDAC) 2025 yang telah berlangsung di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS).

PMBS HOT TABLE: GAMIFICATION IN EDUCATION | 24 JUN 2025

EDUCAST ini berlandaskan bagaimana gamification mampu mengubah suasana pembelajaran dengan elemen menarik seperti mata ganjaran, lencana dan cabaran dalam pendidikan.

Dalam episod ini, dua pensyarah dari Politeknik METrO Betong Sarawak, Puan Natasha Bija Daniel dan Cik Hairunisa Hamiz binti Hairi, berkongsi pengalaman sebenar mereka di dalam kelas, faedah gamification, serta tips praktikal untuk para pendidik mula menggunakannya dalam PdP. Perbincangan ini turut menyentuh tentang cabaran, salah faham umum, dan potensi masa depan gamification melalui AI dan realiti maya.

PROGRAM 5000 LANGKAH SEHARI | 26JUN 2025

Telah berlangsung pada pagi tadi PROGRAM 5000 LANGKAH SEHARI yang dianjurkan oleh Unit Smart Green , Politeknik METrO Betong Sarawak. Inisiatif program ini adalah bagi mendidik warga Politeknik METrO Betong Sarawak ke arah kehidupan yang lebih sihat dan positif sebelum menjalankan tugasan harian mereka.

Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan dan dijadikan amalan bagi warga-warga Politeknik METrO Betong Sarawak bagi ke arah kehidupan yang lebih sihat dan produktif

KONTIGEN POLYCC SARAWAK KE MYPOLYCC SPORTS CARNIVAL 2025 | 29 JUN 2025

Seramai 2 orang pelajar PMBS telah terpilih mewakili Kontinjen PolyCC Sarawak ke MyPolyCC Sports Carnival di Kota Bharu, Kelantan yang akan berlangsung pada hari ini 29 Jun 2025 sehingga 3 Julai 2025 nanti.

Pelajar yang mewakili kontinjen Sarawak ialah Muhammad Izzuddin bin Abdullah Sepawi dalam sukan Badminton manakala Noor Faqhrul Haqimi bin Berzaya akan bertanding dalam sukan Bola sepak.

JULAI

BENGKEL HAK CIPTA MYIPO | 1 JULAI 2025

Bengkel Hak Cipta bersama MYIPO telah berlangsung dengan jayanya melalui kerjasama semua pihak yang terlibat. Terima kasih diucapkan kepada pihak MYIPO dan fasilitator yang diketuai oleh Puan Nor Intan Binti Pamin, Pengarah Wilayah Sarawak, Perbadanan Harta Intelek, atas perkongsian ilmu serta input yang sangat berharga kepada para peserta.

Semoga ilmu yang diperoleh dapat membantu peserta melindungi karya dengan lebih baik serta memartabatkan pendidikan terutamanya di negeri Sarawak.

JPI PMBS 2025 : LANGKAH BAHARU MEMBANGUNKAN GRADUAN BERKUALITI | 3 JULAI 2025

Satu Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) PMBS 2025 telah berlangsung di Kampung Budaya Sarawak (SCV) bersama pelbagai rakan industri. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Datu Haji Abdul Hadi bin Datuk Haji Abdul Kadir dan turut disertai wakil daripada SEDC, STB, Bank Rakyat, KWSP, serta beberapa agensi lain.

PMBS turut memeterai Surat Hasrat (LoI) dengan rakan strategik baharu termasuk Affin Bank, Aspire Group Malaysia, Gopeng Glamping Park Holdings, Bank Islam dan UCSI University Sarawak Campus.

Perbincangan tertumpu kepada pengukuhan kerjasama industri serta usaha melahirkan graduan yang berkemahiran dan memenuhi keperluan pasaran. Semoga jaringan ini terus memperkukuh peranan JPI PMBS pada masa hadapan.

BENGKEL OUTCOME BASED EDUCATION (OBE) PMBS | 25 JULAI 2025

Pada 24 Julai 2025, Bengkel Outcome Based Education (OBE) telah berlangsung bagi pensyarah-pensyarah Politeknik METrO Betong Sarawak di Bilik Mesyuarat Utama. Dianjurkan oleh Unit Jaminan Kualiti PMBS, bengkel ini bertujuan mengingatkan kepentingan OBE serta cara mengaplikasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Diharapkan bengkel ini membantu pensyarah terus melaksanakan OBE secara berkesan dan menyumbang kepada usaha melahirkan graduan yang unggul.

PELAJAR BARU SESI 1 : 2025/2026 DAN TAKLIMAT IBU BAPA BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI

Telah berlangsung pada pagi tadi pendaftaran para pelajar Sesi I: 2025/2026 bagi Program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Pengurusan Kewangan di Politeknik METrO Betong Sarawak.

Sesi pendaftaran ini turut disertai juga taklimat daripada ASNB dan juga Bank Islam dan sejurus selepas itu disusuli dengan taklimat bersama ibu bapa dengan pengurusan tertinggi PMBS yang diwakili oleh YBrs Puan Emirudziawati Binti Juni, Timbalan Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak.

Selamat datang sekali lagi kepada para pelajar yang mendaftar pada hari ini. Terima kasih kerana memilih PMBS sebagai tempat untuk menimba ilmu bagi memperkayakan diri anda dengan ilmu pengetahuan. Selamat Maju jaya!

MAJLIS PENUTUPAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) SESI 1 : 2025/2026 | 31 JULAI 2025

Majlis Penutupan Minggu Transformasi Siswa (MTS) 2025 telah berlangsung pada 31 Julai 2025 dengan penyertaan seramai 62 orang pelajar baharu bagi Program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Pengurusan Kewangan. Sepanjang program, pelajar telah menerima pelbagai perkongsian ilmu dan maklumat melalui sesi taklimat yang disampaikan oleh warga PMBS, Pejabat Kesihatan Betong serta alumni PMBS.

Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah PMBS, Puan Emirudziawati binti Juni, dan diserikan dengan pelbagai pengisian termasuk bacaan ikrar pelajar baharu, ucapan wakil pelajar, persembahan tarian, koir dan nyanyian. Turut diadakan ialah penyampaian hadiah kepada peserta Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) PMBS.

Selamat maju jaya diucapkan kepada semua pelajar baharu. Semoga terus bersemangat menimba ilmu dan mencipta kejayaan di PMBS.

OGOS

MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (POLYCC) ZON SARAWAK 2025 | 9 OGOS 2025

Sidang 1 Majlis Konvokesyen PolyCC Zon Sarawak 2025 telah berlangsung dengan penuh meriah di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Ir. Haji Irwan Zulkarnain bin Mohamad Hasbie, Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, yang hadir mewakili YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, Timbalan Perdana Menteri.

Sidang ini telah meraikan seramai 426 graduan daripada Politeknik Kuching Sarawak (PKS), Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS), Kolej Komuniti Mas Gading, Kolej Komuniti Santubong dan Kolej Komuniti Betong. Suasana penuh kegembiraan dan rasa bangga jelas terpancar pada setiap graduan yang menamatkan pengajian mereka dengan jayanya.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua graduan atas pencapaian yang amat membanggakan ini. Semoga kejayaan tersebut menjadi pemangkin semangat untuk terus melangkah lebih jauh, menabur bakti kepada masyarakat, serta menyumbang kepada kemajuan negeri dan negara.

LAWATAN PANEL ANUGERAH KUALITI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK KE PMBS | 15 OGOS 2025



Politeknik METrO Betong Sarawak telah menerima lawatan panel Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Sarawak (AKPANS) yang terdiri daripada wakil Pejabat Residen Kuching, Ahli DUN N.18 Serembu, Swinburne Innovation Malaysia Sdn. Bhd., Jabatan Kerja Raya Sarawak, Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. serta Unit Transformasi dan Inovasi Sarawak.

Lawatan dimulakan dengan pembentangan institusi oleh Pengarah PMBS, YBrs. Ts. Puan Shirley Phillip, sebelum diteruskan dengan sesi semakan dokumen oleh panel.

Tahniah kepada PMBS kerana berjaya tersenarai sebagai 10 institusi terbaik dan seterusnya ke peringkat akhir AKPANS 2025. Semoga pencapaian ini menjadi pemangkin semangat warga PMBS untuk terus memberikan perkhidmatan berkualiti kepada semua pemegang taruh.

PERTANDINGAN INOVASI KITAR SEMULA | 18 OGOS 2025

Pertandingan Inovasi Kitar Semula 2025 telah berlangsung pada 18 Ogos 2025 dengan memperlihatkan pelbagai idea kreatif berasaskan kelestarian alam sekitar.

Tahniah kepada Kumpulan ECO VISION dengan produk inovasi “ECO BOARD” kerana dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Inovasi Kitar Semula 2025! Kejayaan ini turut melayakkan mereka mewakili Bahagian Betong ke Peringkat Negeri pada 23 Ogos 2025 di Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES), Kuching.

Pertandingan ini dianjurkan bagi tujuan:

- Memperkasakan program Rakan Muda
- Meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar
- Memupuk kreativiti dan inovasi berasaskan kitar semula

Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk terus berkarya demi kelestarian bumi.

SESI PEMETAAN SILIBUS PMBS & I-CATS COLLEGE UNIVERSITY 2025: MEMPERKASA LALUAN AKADEMIK PELAJAR KE PERINGKAT IJAZAH | 25 OGOS 2025

Telah berlangsung sesi pemetaan silibus Diploma Pengurusan Pelancongan PMBS bersama i-CATS College University bagi membuka laluan kepada graduan PMBS melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah dalam bidang pelancongan.

Sesi ini menyaksikan kehadiran Pengarah PMBS, YBrs. Ts. Puan Shirley Phillip bersama barisan pensyarah, manakala pihak i-CATS College University diketuai oleh Dekan Fakulti Pelancongan dan Hospitaliti, YBrs. Dr. Sharon Esther Anak Donny Sita bersama pasukan akademik. Turut hadir, Pengarah Bahagian Kurikulum JPPKK, YBrs. Dr. Zam Zam bin Mohd Walid bagi meninjau peluang penambahbaikan laluan akademik pelajar PMBS.

Diharapkan kerjasama ini dapat memperluas akses pendidikan tinggi dan melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam industri Pelancongan dan Hospitaliti.

PROGRAM RENTAK TRADISI BERSEJARAH | 27 OGOS 2025

Pada 27 Ogos 2025 (Rabu), sempena Bulan Kebangsaan 2025, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Politeknik METrO Betong Sarawak dengan kerjasama Rakan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (RJPP) telah menganjurkan Program Rentak Tradisi Bersejarah di PMBS yang dirasmikan oleh Pengarah PMBS, YBrs. Puan Ts. Shirley anak Phillip serta turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah, YBrs. Puan Emirudziawati binti Juni, ketua program, pensyarah dan para pelajar.

Program bertujuan menyemai semangat patriotisme dalam kalangan warga PMBS dan dimeriahkan dengan persembahan berunsur patriotik oleh Layar Seni Betong, Raban Sidak Ya (RSY), Christine Chelsea, Mohammad Fhafiq, Muhammad Aniq serta pelajar kelas DUP 3B.

Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi mengekalkan semangat kecintaan terhadap negara bersempena sambutan Hari Malaysia yang semakin hampir.

SEPTEMBER

FOOD BANK SISWA: SUMBANGAN UNTUK KEBAJIKAN PELAJAR PMBS | 10 SEPTEMBER 2025

Politeknik METrO Betong Sarawak menerima sumbangan Food Bank Siswa daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Cawangan Sri Aman, yang disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Zaidil bin Haji Jawawi dan diterima oleh Timbalan Pengarah PMBS, Puan Emirudziawati binti Juni.

Inisiatif murni ini diharap dapat membantu kebajikan pelajar dan memberi manfaat langsung kepada warga pelajar PMBS.

MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN SESI II : 2024/2025 | 11 SEPTEMBER 2025

Pada Khamis, 11 September 2025, telah berlangsung Majlis Anugerah Ketua Jabatan Sesi II : 2024/2025 di Dewan Sri Metro Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Seramai 84 orang pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan serta Diploma Pengurusan Kewangan / Diploma Kewangan dan Perbankan menerima anugerah tersebut.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima, semoga pencapaian ini diteruskan pada semester akan datang dan menjadi pemangkin semangat kepada pelajar-pelajar PMBS yang lain untuk terus mencapai kecemerlangan akademik.

PENYERTAAN PELAJAR PMBS DALAM POLYCCSKILLS 2025 DI POLIMAS | 11 SEPTEMBER 2025

Pada 8 hingga 11 September 2025, Politeknik METrO Betong Sarawak telah menghantar dua pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan, Saudari Dayang Nurhazwani Binti Awang Spuan (Tour Guiding) dan Noor Fahqrul Haqimi Bin Berzaya (High Rope), untuk menyertai PERTANDINGAN POLYCCSKILLS 2025 yang diadakan di POLIMAS.

Penyertaan ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar dalam bidang masing-masing, mencungkil bakat, dan menyediakan mereka sebelum memasuki industri, sejajar dengan pelan tindakan teras 1 dalam melahirkan graduan berkualiti.

Walaupun PMBS tidak meraih pingat pada pertandingan ini, semangat juang dan pengalaman berharga yang diperoleh oleh pelajar-pelajar tersebut menjadi bekalan penting untuk menghadapi cabaran industri pada masa hadapan.

PENINGKATAN KOMPETENSI STAF PMBS MELALUI BENGKEL PENGURUSAN ASET | 19 SEPTEMBER 2025

Bengkel Pengurusan Aset telah berjaya dianjurkan pada 18–19 September 2025 yang dihadiri oleh staf PMBS. Bengkel ini telah disampaikan oleh Encik Andy anak Buja selaku penceramah jemputan yang menerangkan tentang tatacara pengurusan aset kerjaaan dan aplikasi yang digunakan di dalam menguruskan aset-aset kerajaan.

Pihak penganjur iaitu Unit Pengurusan Aset PMBS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Andy atas perkongsian ilmu serta pengalaman yang amat bermanfaat.

Diharapkan pengetahuan yang diperoleh dapat meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan aset organisasi.

BETONG TOURISM FOR INDIGENOUS PEOPLE 3.0 (BETOUR4IP 3.0) | 28 SEPTEMBER 2025

Program Betong Tourism for Indigenous People 3.0 (BeTOUR4IP 3.0) telah berlangsung dari 26 hingga 28 September 2025 di Rumah Isup, Nanga Mujau, Ulu Layar, Betong, anjuran pelajar Semester 5 Diploma Pengurusan Pelancongan Sesi I: 2025/2026.

Program ini bertujuan mendidik penduduk rumah panjang tentang pengendalian Homestay serta memberi input mengenai industri pelancongan, selaras dengan kesinambungan dua program sebelum ini yang memfokuskan pembangunan pakej pelancongan dan pengoperasian Homestay secara lestari.

Sesi perkongsian disampaikan oleh Puan Ariani Atong dari Sarawak Forestry Corporation mengenai impak pelancongan terhadap pembangunan lestari, manakala bengkel mewarnakan kraftangan rotan dikendalikan bersama Puan Allen Anak Limping, Pusat Kraf Betong, bagi menambah nilai produk pelancongan tempatan.

Diharapkan program ini dapat diteruskan dan memberi impak positif kepada komuniti khususnya di daerah Betong.

PENINGKATAN KOMPETENSI STAF PMBS MELALUI BENGKEL PENGURUSAN ASET | 29 SEPTEMBER 2025

Politeknik METrO Betong Sarawak telah menjalani Audit Pematuhan 1 SIRIM ISO 21001:2018 EOMS dari 29 September hingga 1 Oktober 2025. Proses audit ini bertujuan menilai tahap pematuhan institusi dalam mengaplikasikan EOMS (Educational Organization Management System) dalam sistem pengoperasian harian Politeknik.

Diharapkan audit berjalan lancar dan PMBS dapat terus mengaplikasikan sistem EOMS secara berkesan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada pelajar dan pihak berkepentingan.

PROGRAM "MICRO CREDENTIAL STAND ALONE" "INTERPRETATION OF OURS STORIES: THE ETHICS AND ROLES OF TOURIST GUIDE" | 24 SEPTEMBER - 28 SEPTEMBER 2025

Pada 25 Septeber sehingga 29 September 2025 telah berlangsung Program "Micro Credential Stand Alone" "Interpretation of Ours Stories: The Ethics and Roles of Tourist Guide" di Politeknik METrO Betong Sarawak.

Program 4 hari ini merupakan sebuah program kolaborasi Politeknik METrO Betong Sarawak bersama dengan Sarawak Tourist Guide Association (SkTGA) ini berobjektifkan memberi pendedahan kepada pemain-pemain industri pelancongan di dalam bidang Homestay di sekitar Daerah Betong tentang kerjaya sebagai pemandu pelancong.

PROGRAM JUALAN RAHMAH BERGERAK | 25 SEPTEMBER 2025

25 September 2025, telah berlangsung Program Jualan Rahmah Bergerak telah diadakan di Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) bagi membantu warga kampus mendapatkan barangan keperluan harian pada harga lebih berpatutan. Inisiatif ini memberi manfaat khususnya kepada pelajar dan staf dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup.

Pelbagai barangan asas seperti makanan kering, keperluan dapur dan barangan pengguna ditawarkan pada harga Rahmah yang lebih rendah berbanding pasaran semasa. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan mencerminkan keperluan terhadap program berimpak tinggi seperti ini.

Penganjuran Jualan Rahmah Bergerak di PMBS bukan sahaja meringankan beban kewangan, malah memperkukuh hubungan antara KPDN, Sarawak dengan komuniti kampus.

AUDIT PEMATUHAN 1 SIRIM ISO 21001 : 2018 EOMS SECARA BERSEMUKA DI POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 29 SEPTEMBER 2025

Pada 29 September sehingga 1 Oktober 2025 yang lalu Politeknik METrO Betong Sarawak telah menjalai Audit Pematuhan 1 SIRIM ISO 21001 : 2018 EOMS secara bersemuka di Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS).

Pihak PMBS berbesar hati dengan kehadiran Ketua Auditor Sirim, Ybrs. Encik Mohd Abdul Kadir bin Johari yang membantu PMBS di dalam audit pematuhan kali ini.

OKTOBER

LAWATAN PENANDA ARAS BAGI PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN KE POLITEKNIK KOTA KINABALU, KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG DAN KOLEJ KOMUNITI TAMBUNAN | 08 - 10 OKTOBER 2025

Lawatan penada aras yang telah dihadiri oleh lapan Pegawai dari wakil Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Perpustakaan, Unit Teknologi Maklumat dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan yang diketuai Puan Emirudziawati binti Juni selaku Timbalan Pengarah PMBS.

Tujuan lawatan ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman warga organisasi berkaitan dengan amalan terbaik (best practices) dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan diinstitusi dan dapat mewujudkan jaringan Kerjasama dan hubungan strategik dengan institusi/agensi luar bagi tujuan kolaborasi, perkongsian ilmu dan pembangunan professional.

KEMPEN JOM BACA 10 MINIT SEMPENA KARNIVAL BACA PERDANA 2025 |14 OKTOBER 2025

Kempen Jom Baca 10 Minit ini bertujuan menggalakkan dan menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia, memperkukuh amalan membaca secara inklusif, serta memartabatkan pembacaan sebagai asas pembinaan negara bangsa, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Kempen Jom Baca 10 Minit juga dilaksanakan secara serentak pada setiap hari Selasa sepanjang bulan Oktober 2025 lepas, dari jam 12.00 tengah hari hingga 1.00 tengah hari dengan aktiviti membaca.

LAWATAN PENANDA ARASA JABATAN AKADEMIK KE POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN, POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU DAN POLITEKNIK NILAI |14 OKTOBER 2025

Pada 14 sehingga 15 Oktober 2025, Jabatan Akademik Politeknik METrO Betong Sarawak telah mengadakan Lawatan Penada Aras ke Politeknik Ibrahim Sultan, Politeknik METrO Johor Bahru dan Politeknik Nilai.

Lawatan ini adalah bagi melihat perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PDP) bagi Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (Politeknik Ibrahim Sultan), melihat amalan baik dan perlaksanaan bagi Inkubator Keusahawanan dan Unit Cisec (Industry On Campus) (Politeknik METrO Johor Bahru) serta melihat perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (Politeknik Nilai).

BENGKEL PELAN TINDAKAN PMBS 2026 |21 OKTOBER 2025 - 22 OKTOBER 2025

Pada 21 dan 22 Oktober 2025, Politeknik METrO Betong Sarawak telah mengadakan Bengkel Pelan Tindakan 2026 yang bertempat di Tandang Sari Avenue, Sri Aman.

Bengkel selama dua hari ini diadakan bagi kesemua warga PMBS merancang pelan strategi yang akan dilakukan pada tahun hadapan bagi mencapai objektif institusi dan juga memantapkan sistem pengurusan dan pengoperasian institusi kepada semua pemegang taruhnya.

PERHIMPUNAN STAF DAN MAJLIS AKADEMIA PMBS 2025 |21 OKTOBER 2025

Pada 21 Oktober, telah berlangsung Perhimpunan Staff dan Sambutan Hari Akademia Peringkat Politeknik METrO Betong Sarawak.

Majlis dimulakan dengan perhimpunan staff dan disusuli dengan sambutan Hari Akademia peringkat institusi bagi menghargai penat lelah pendidik-pendidik di Politeknik METrO Betong Sarawak.

KEJOHANAN SUKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (SUKIPT) SARAWAK 2025 |23 - 26 OKTOBER 2025

Politeknik METrO Betong Sarawak telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) Sarawak 2025 yang berlangsung di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Samarahan pada 23 - 26 Oktober 2025.

Penyertaan kali ini melibatkan tiga acara sukan iaitu Badminton, Orienteering dan E-Sport.

#THINKB4CLICKS PMBS – BIJAK SIBER LINDUNGI DATA |30 OKTOBER 2025

Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) pada 31 Oktober 2025 telah menganjurkan program bertajuk #THINKB4CLICK PMBS – Bijak Siber, Lindungi Data bersempena Sambutan Hari Integriti Nasional 2025.

Program ini menampilkan penceramah jemputan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cawangan Kuching, yang berkongsi ilmu dan pengalaman berkaitan keselamatan siber serta kepentingan perlindungan data peribadi dalam dunia digital masa kini.

NOVEMBER

LAWATAN PENANDA ARAS EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) KOLEJ VOKASIONAL SIBU KE PMBS | 3 NOVEMBER 2025

Pada 13 November 2025, berlangsungnya Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kolej Vokasional Sibu ke Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS).

Lawatan ini juga telah dihadiri oleh 8 orang pegawai diketuai oleh Ketua Jaminan Kualiti Kolej Vokasional Sibu, Puan Zamniha Binti Ab.Ghani bersama Jawatankuasa Induk EKSA.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan perkongsian pengalaman berkenaan amalan EKSA di PMBS, memandangkan PMBS telah mendapat pensijilan EKSA dari Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

GENCOMM WEEK 2025 | 10 NOVEMBER - 14 NOVEMBER 2025

Politeknik METrO Betong Sarawak telah berjaya melaksanakan GenCOMM WEEK 2025 berlangsung pada 10 November 2025 sehingga 14 November 2025 yang lalu, hasil kolaborasi hebat antara Jabatan Perdagangan dan Unit Pengajian Am. Program ini dirangka khas untuk memperkasa pelajar dalam keusahawanan, kemahiran insaniah dan komunikasi, selaras dengan keperluan dunia pekerjaan masa kini.

Program ini bukan sahaja menyerlahkan bakat, kreativiti dan keyakinan pelajar, tetapi turut membuka ruang kepada mereka untuk memahami hak-hak pekerja dan realiti sebenar dunia kerjaya.

DISEMBER

PENYERAHAN SUMBANGAN PROJEK INOVASI PELAJAR “CRUSADE OF RENTAP” KEPADA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK PATINGGI KEDIT BETONG | 10 DISEMBER 2025

Pada 10 Disember 2025, Politeknik METrO Betong Sarawak telah mengadakan kunjungan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Patinggi Kedit, Betong bagi menyerahkan Projek Inovasi Pelajar Semester 5 iaitu "Crusade of Rentap Board Game".

Sumbangan ini melambangkan jalinan kerjasama yang berterusan antara kedua-dua pihak.

Inovasi permainan papan yang mempromosikan kawasan pelancongan di Daerah Betong telah dihasilkan oleh empat orang pelajar semester 5 program Diploma Pengurusan Pelancongan, iaitu Anderson Ambing Anak Minggu, Nelldee Anak Ngumbang, Jennifer Chandu Anak Bilun dan Nur Azyana Syazwina Binti Mohammad Zairie di bawah seliaan Puan Kani Anak Linyaw.

AUDIT DALAM EKSA SIRI 2 / 2025 | 5 - 8 DISEMBER 2025

Pada 5 sehingga 8 Disember, telah dilaksanakan Audit Dalam EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) Siri 2.

Audit ini bertujuan menilai pelaksanaan, keberkesanan serta tahap pematuhan zon terhadap amalan EKSA dalam memastikan persekitaran kerja yang lebih kondusif, sistematik dan produktif.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN STAF BIL 6/2025 | 10 DISEMBER 2025

Pada 10 Disember 2025 telah berlangsungnya Majlis Perhimpunan Bulanan Staf Bil. 6/2025 yang merupakan perjumpaan terakhir staf bagi tahun ini.

Majlis ini dijalankan dalam keadaan yang meriah dan beberapa anugerah serta kejayaan staf telah disampaikan juga kepada para penerima.

PENCAPAIAN INSTITUSI

TEMPAT KETIGA BAGI KRITERIA PENGURUSAN PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN
(KATEGORI POLITEKNIK METrO)
&
KRITERIA HARTA INTELEK
(KATEGORI POLITEKNIK METrO)

Politeknik METrO Betong Sarawak telah mendapat tempat ketiga bagi Kriteria Pengurusan Pentaksiran dan Penilaian (Kategori Politeknik METrO)dan Kriteria Harta Intelek (Kategori Politeknik METrO) pada Anugerah Kecemerlangan Polycc.

SIRIM QAS INTERNATIONAL

SIJIL

EOMS
SIRIM

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK
1-12, FASA 2, BANDAR BARU BETONG
JALAN BARU BETONG
95700 BETONG
SARAWAK
MALAYSIA

telah melaksanakan *Educational Organizations Management System* yang menepati

ISO 21001 : 2018
Educational organizations – Management Systems for educational organizations – Requirements with guidance for use

Skop Pensijilan

PEMBERIAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI PERINGKAT DIPLOMA.

Tarikh dikeluarkan	:	**18 November 2024**
Tarikh asal pensijilan	:	**18 November 2024**
Tarikh luput	:	**17 November 2027**
No. pensijilan	:	**EOMS 00141**

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
(Co. No. 199601037981 (410334-X))
1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, P.O. Box 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 60-3-55446000

http://www.sirim-qas.com.my
http://www.malaysiancertified.com.my

Nur Fadhilah binti Muhammad
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti termyata dalam Perjanjian Pensijilan.

Politeknik METrO Betong Sarawak telah mendapat Sijil Pengiktirafan SIRIM QAS

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK
SIJIL PENYERTAAN
ADALAH INI DIPERAKUI
POLITEKNIK METrO BETONG
TELAH MENYERTAI DENGAN JAYANYA
PERTANDINGAN INOVASI KITAR SEMULA
PROGRAM FIESTA RAKAN MUDA
PERINGKAT NEGERI SARAWAK
PADA
23 OGOS 2025
BERTEMPAT DI
KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN
NEGERI SARAWAK, KUCHING
PENGARAH
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK
MALAYSIA MADANI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sijil Pencapaian

Setinggi-tinggi penghargaan dari pihak Jabatan Pendidikan
Politeknik dan Kolej Komuniti bahawa

POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

telah menerima

LAWATAN PENAZIRAN AKADEMIK (PeNA)

dengan mendapat penarafan

★★★★★

LIMA BINTANG (80% - 100%)

MOHD NOOR BIN SHAHUDIN
PENGARAH KANAN (AKADEMIK)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ VOKASIONAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KOLEJ VOKASIONAL SIBU

Sijil Penghargaan

Dengan setulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

POLITEKNIK METRo BETONG SARAWAK

kerana telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi

sempena

LAWATAN PENANDA ARAS
UNIT EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
KOLEJ VOKASIONAL SIBU

pada

13 NOVEMBER 2025

(LING TIONG YUNG)
TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK
b.p. PENGARAH
KOLEJ VOKASIONAL SIBU


KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL
KOLEJ VOKASIONAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KOLEJ VOKASIONAL BETONG
Sekalung
PENGHARGAAN
Kepada
Politeknik METrO Betong Sarawak
ATas Kerjasama Menjayakan
On-the-job training (OJT)
Pelajar Jabatan Teknologi Maklumat
Kolej Vokasional Betong
Tahun 2025
Ikhlas Daripada
Jabatan Teknologi Maklumat
Kolej Vokasional Betong

2025

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK

Sijil Penghargaan

Adalah ini diperakui bahawa

POLITEKNIK METrO BETONG

di atas penyertaan dan komitmen menjayakan

PERTANDINGAN INOVASI KITAR SEMULA
PROGRAM FIESTA RAKAN MUDA
PERINGKAT BAHAGIN BETONG TAHUN 2025

bertempat di

DEWAN SRI METrO GEMILANG
POLITEKNIK METrO BETONG

pada

18 OGOS 2025

LAMAT ANAK NYALAU
PENGARAH
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK

POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK DIANUGERAHKAN PINGAT GANGSA BAGI ANUGERAH KUALITI PERKHIDMATAN NEGERI SARAWAK 2025 (AKPANS)

POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK DIANUGERAHKAN PINGAT GANGSA BAGI ANUGERAH KUALITI PERKHIDMATAN NEGERI SARAWAK 2025 (AKPANS)

POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK DIANUGERAHKAN PINGAT GANGSA BAGI ANUGERAH KUALITI PERKHIDMATAN NEGERI SARAWAK 2025 (AKPANS)

PENCAPAIAN PELAJAR

2025

ANUGERAH OLAHRAGAWATI POLYTECHNIC SPORTS EXCELLENCE AWARD 2024

13 Februari 2025. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Saudari Valerie Anak Juan pelajar Semester 5 bagi Program Diploma Pengurusan Pelancongan, Politeknik METrO Betong Sarawak kerana telah dinobatkan Anugerah Olahragawati di Polytechnic Sports Excellence Award 2024.

PENTAS AKHIR PERTANDINGAN POLYCC BATTLE SHOWDOWN 2025

13 April 2025. Kumpulan Raban Sida Ya telah mencipta satu lagi detik membanggakan apabila berjaya melayakkan diri ke Pentas Akhir Pertandingan PolyCC Battle Showdown 2025.

Acara penuh berprestij itu berlangsung di Politeknik Sultan Azlan Shah dan menyaksikan kumpulan tersebut menonjol dengan persembahan yang bertenaga dan kreatif.

BATTLE OF THE BUSKERS KEPENGGUNAAN

22 Jun 2025.Tahniah diucapkan kepada kugiran Politeknik METrO Betong Sarawak RSY yang diwakili oleh Mc Bride Garai Anak Anthony Sintau, Connelius Vernct Anak Laja, Muhammad Firruradhzi Yusoff bin Sulaiman, Nigelia Arenny Anak Donny, Agnes Angit Anyan dan Christian Zachel Anak Charles Riam yang kesemuanya merupakan pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan, Politeknik METrO Betong Sarawak kerana telah dianugerahkan Johan bagi pertandingan "Battle Of The Buskers Kepenggunaan" anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Sarawak bersempena dengan Program Kepenggunaan Sempena Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan 2025 Peringkat Negeri Sarawak di AEON Mall, Kuching.

Bersempena dengan kemenangan ini juga, kugiran RSY akan mewakili Zon Sarawak bagi meneruskan perjuangan mereka berentap bersama-sama dengan kugiran daripada zon-zon yang lain.

BATTLE OF THE BUSKERS KEPENGGUNAAN

13 Julai 2025.Kugiran RSY dari Politeknik METrO Betong Sarawak mewakili Zon Borneo dan meraih tempat ketiga dalam pertandingan “Battle of The Buskers Kepenggunaan” anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Kejayaan ini diharapkan menjadi inspirasi kepada pelajar dan warga PMBS untuk terus mengharumkan nama institusi.

INFOGRAPHIC POSTER AND ONLINE PRESENTATION COMPETITION 2025 (IPOPC 25)



Pada 18-25 September, PMBS telah menghantar 4 orang pelajar semester pertama untuk menyertai Infographic Poster And Online Presentation Competition 2025 (IPOPC 25).

Politeknik METrO Betong Sarawak telah dinobatkan juara pertandingan ini iaitu kumpulan yang diwakili oleh saudari Divisha a/p John Kenedy dan Eva Kueh Wen Xuan dari Diploma Kewangan .

TEMPAT KETIGA
BADMINTON KEJOHANAN SUKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (SUKIPT) SARAWAK 2025

23 - 26 Oktober, PMBS telah meraih pingat gangsa (bersama) dalam kejohanan badminton perseorangan lelaki oleh Muhammad Izzuddin bin Abdullah Sepawi.

PINGAT PERAK ACARA RAGBI WANITA DI SUKAN SEA 2025

9 - 20 Disember 2025, Valerie Anak Juan, pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak yang meraih Pingat Perak dalam Acara Ragbi Wanita sempena Sukan SEA 2025 yang berlangsung di Thailand.

AI DAN DESIGN THINKING PEMACU MASA DEPAN MINDA | 30 JUN - 3 JULAI 2025

Seramai 4 orang pelajar telah menyertai Program Camp21: Synergising Literacies 2025 anjuran Politeknik Mukah (PMU) bersama Jabatan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti pada 30 Jun–3 Julai 2025. Program yang menggabungkan elemen Pemikiran Reka Bentuk, AI dan SDGs ini turut menampilkan Pertandingan Pitching sebagai acara kemuncak dengan penyertaan 80 peserta dari PolyCC seluruh Malaysia.

Tahniah kepada dua pelajar PMBS, Audriena Reveronica anak Akok (DUP2A) dan Mohammad Aireel Hafizi bin Saleman (DFI3A) yang berjaya meraih Johan dan tempat ke-3 bersama kumpulan masing-masing. Semoga kejayaan ini terus menjadi inspirasi kepada semua pelajar.

PMBS BANGGA: LOWYN NATANIA WAKILI INSTITUSI KE YSS VOLUNTEER MISSION | 5 JULAI 2025

Tahniah diucapkan kepada Saudari Lowyn Natania Mi'Ang Anak John Wayne, pelajar Diploma Kewangan, Politeknik METrO Betong Sarawak, kerana terpilih menyertai YSS Students Volunteer Mission – Green Summer Campaign di Thanh Loc Ward, District 12, Vietnam.

Misi ini berlangsung dari 5 Julai hingga 8 Ogos 2025, dan diharapkan penyertaan beliau menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk turut sama menyertai aktiviti kesukarelawanan pada masa akan datang.

BORNEO LEGACY: DARI INOVASI KE PENGIKTIRAFAN | 20 OGOS 2025

Kumpulan Borneo Legacy mencipta kejayaan membanggakan apabila meraih Anugerah Khas Juri dalam Young Sociopreneur Programme (YS2P) All Starz 2025 yang berlangsung pada 20 Ogos 2025 di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS).

Anugerah disampaikan oleh Dato' Seri Dr. Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan & Pengarah Urusan PKT Logistic Group Sdn. Bhd., diiringi oleh Encik Hisamudin bin Mohd Tamim, Pengarah POLISAS. Dibimbing oleh mentor Puan Emilyn Nojen dan Puan Rohanisah binti Sahari, pasukan ini dianggotai oleh Muhamad Haziq Haiqal bin Wasli (CEO), Ally Clara binti Jai, Anderson Ambing anak Minggu, Abang Ashmawi bin Abang Sipudin, Vanessa Timbong anak David, Theresa Andrea anak Nelson, Airien Zulaikha binti Faizal, Mohammad Aireel Hafizi bin Saleman dan Avyna Miah Anthony.

Tahniah kepada seluruh ahli atas usaha dan dedikasi.

Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk terus cemerlang dalam bidang keusahawanan sosial.

PELAJAR PMBS TERPILIH MENYERTAI MISI SUKARELAWAN SISWA MADANI BERKHIDMAT 2025 | 1 SEPTEMBER 2025

Tahniah diucapkan kepada Saudari Nur Fathiah Iffah Binti Mohammad Sham, pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan, Politeknik METrO Betong Sarawak, kerana terpilih menyertai Madani Berkhidmat:

Misi Sukarelawan Siswa ke Perak dan Pahang 2025 yang akan berlangsung dari 1 hingga 17 September 2025. Semoga penyertaan beliau menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk turut aktif dalam aktiviti sukarelawan pada masa akan datang.

Semarak Budi Kenangan Abadi

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
METrO BETONG SARAWAK

JASAMU DIKENANG & **TERIMA KASIH**

ENCIK ABG ALIF BIN ABG RADUAN
PEMBANTU TADBIR (KEW)

Selamat Maju Jaya & Selamat Bertugas
Sebagai
Penolong Pegawai Tadbir
Di Jabatan Premier Sarawak

Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak

MALAYSIA MADANI | POLYCCofficial | www.mypolycc.edu.my | POLYCC | https://www.pmbs.edu.my | politeknikmetrobetongsarawak | Politeknik METrO Betong Sarawak | PolyMETrO Betong Sarawak | politeknikmetrobetong | 083-47267 | 083-472991

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
METrO BETONG SARAWAK

JASAMU DIKENANG & **TERIMA KASIH**

ENCIK MUHAMMAD KHAIRUL MUKMIN BIN AHMAD MUHAIMIN
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI

Selamat Maju Jaya & Selamat Bertugas
Sebagai
Penolong Pengarah
Di Bahagian Kurikulum,
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti

Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak

MALAYSIA MADANI | POLYCCofficial | www.mypolycc.edu.my | POLYCC | https://www.pmbs.edu.my | politeknikmetrobetongsarawak | Politeknik METrO Betong Sarawak | PolyMETrO Betong Sarawak | politeknikmetrobetong | 083-47267 | 083-472991

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
POLITEKNIK
MALAYSIA
Terima Kasih Jasamu Dikenang
PUAN RUZAINI BINTI ABD RAZAK
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Selamat Maju Jaya
dan
Selamat Bertugas Di Tempat Baharu
Ikhlas daripada,
Seluruh Warga Politeknik METrO Betong Sarawak
MALAYSIA MADANI
POLYCCofficial
www.mypolycc.edu.my
POLYCC

INSPIRASI ILMIAH

eISSN: 2637 - 0956

JURNAL PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL

JOSSR

www.academicinspired.com/jossr



ACADEMIC INSPIRED NETWORK

Jurnal
PENYELIDIKAN
SAINS SOSIAL
www.academicinspired.com/jossr jossrofficial@gmail.com
eISSN: 2637 - 0956

CURRENT ISSUE

Vol. 8 No. 28 (2025): Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025]



PUBLISHED: 2025-09-24

Ar ticles

Kefahaman tentang isu etika dan integriti akademik dalam penggunaan ChatGPT dari perspektif pelajar

Marlia Marzuki 31-38

Abstract View 3 PDF 2

Strategi penyelesaian kepada masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak

Abang Abdul Muizz Abdul Rahman, Rohanisah Sahari, Ruzaini Abd Razak 17-22

Abstract View 11 PDF 1

Keberkesanan program inkubator keusahawanan dalam memupuk minat berniaga di kalangan pelajar

Nur Aqila Hussin 23-30

Abstract View 4 PDF 0

Exploring the synergy of augmented reality and TVET: Enhancing engagement and skill development.

Nor Roselidyawaty Mohd Rokeman, Che Ghani Che Kob, Mohd Nasir Mohd Yaacob 1-16

Abstract View 8 PDF 8

VIEW ALL ISSUES

FOCUS & SCOPE

Jurnal
PENYELIDIKAN
SAINS SOSIAL
www.academicinspired.com/jossr jossrofficial@gmail.com
eISSN: 2637 - 0956

Strategi penyelesaian kepada masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak

Abang Abdul Muizz Abdul Rahman
JabatanAkademik,PoliteknikMETrOBetong Sarawak

Rohanisah Sahari
JabatanAkademik,Politeknik METrO Betong Sarawak

Ruzaini Abd Razak
JabatanAkademik,Politeknik METrO Betong Sarawak

Keywords: Kediaman Pelajar, Cabaran, Strategi Penyelesaian

PDF 1

ABSTRACT

Kediaman pelajar merupakan salah satu kemudahan asas penting yang perlu disediakan oleh sesebuah institusi pembelajaran terutamanya di peringkat pendidikan tinggi. Namun begitu, sehingga kini fasiliti ini tidak dapat disediakan oleh Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) yang menyebabkan para pelajar perlu menyewa rumah sewa terutamanya bagi pelajar yang tinggal jauh dari daerah Betong. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi yang perlu diambil oleh institusi mahupun pelajar PMBS dari aspek kediaman pelajar. Instrumen kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar PMBS dari semester 1 sehingga semester 6. Bilangan sampel adalah seramai 54 orang pelajar. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan pensampelan rawak. Manakala analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah Analisis Deskriptif iaitu menggunakan peratusan untuk menggambarkan strategi yang paling berkesan untuk mengatasi masalah tempat kediaman pelajar di PMBS. Hasil kajian mendapati strategi yang paling berkesan untuk menangani masalah ini adalah institusi menyediakan asrama untuk pelajar dan mencadangkan agar dikurangkan harga bilik sewa oleh pemilik rumah sewa. Hasil kajian ini penting bagi

PUBLISHED

2025-09-24

HOW TO CITE

Abdul Rahman, A. A. M., Sahari, R., & Abd Razak, R. (2025). Strategi penyelesaian kepada masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, *8*(28), 17–22. Retrieved from https://academicinspired.com/jossr/article/view/3357

More Citation Formats

ISSUE

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

STRATEGI PENYELESAIAN KEPADA MASALAH KEDIAMAN PELAJAR DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK METrOBETONG SARAWAK

SOLUTION STRATEGIES FOR STUDENT HOUSING ISSUES AMONG POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK STUDENTS

Abang Abdul Muizz Abdul Rahman[1]
Rohanisah Sahari[2]
Ruzaini Abd Razak[3]

[1,2,3] Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak
(E-mail: abgabdmuizz@pmbs.edu.my, rohanisah@pmbs.edu.my, ruzaini.ar@pmbs.edu.my)

Article history
Received date : 18-7-2025
Revised date : 19-7-2025
Accepted date : 25-8-2025
Published date : 24-9-2025

Tocitethisdocument:
Abdul Rahman, A. A. M., Sahari, R., & Abd Razak, R. (2025). Strategi penyelesaian kepada masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR),* 8 (28), 17 - 22.

Abstrak: *Kediaman pelajar merupakan salah satu kemudahan asas penting yang perlu disediakan oleh sesebuah institusi pembelajaran terutamanya di peringkat pendidikan tinggi. Namun begitu, sehingga kini fasiliti ini tidak dapat disediakan oleh Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) yang menyebabkan para pelajar perlu menyewa rumah sewa terutamanya bagi pelajar yang tinggal jauh dari daerah Betong. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi yang perlu diambil oleh institusi mahupun pelajar PMBS dari aspek kediaman pelajar. Instrumen kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar PMBS dari semester 1 sehingga semester 6. Bilangan sampel adalah seramai 54 orang pelajar. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan pensampelan rawak. Manakala analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah Analisis Deskriptif iaitu menggunakan peratusan untuk menggambarkan strategi yang paling berkesan untuk mengatasi masalah tempat kediaman pelajar di PMBS. Hasil kajian mendapati strategi yang paling berkesan untuk menangani masalah ini adalah institusi menyediakan asrama untuk pelajar dan mencadangkan agar dikurangkan harga bilik sewa oleh pemilik rumah sewa. Hasil kajian ini penting bagi menjamin kadar ambilan di institusi ini kekal konsisten dan memastikan kebajikan pelajar terjaga.*

Kata kunci: *Kediaman Pelajar, Cabaran, Strategi Penyelesaian*

Abstract: *Student housing is one of the essential basic facilities that should be provided by educational institutions, particularly at the higher education level. However, to date, this facility has not been made available by Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS), which forces students, especially those living far from the Betong district, to rent private accommodations. Therefore, the objective of this study is to identify strategies that should be taken by the institution as well as PMBS students regarding student housing. The research instrument used was an online questionnaire. The study sample consisted of PMBS students*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

from semester 1 to semester 6, with a total of 54 respondents. The data collection technique applied was random sampling, while the analysis used was Descriptive Analysis through percentages to illustrate the most effective strategies in addressing student housing issues at PMBS. The findings indicate that the most effective strategies to address this issue are for the institution to provide dormitories for students and for landlords to reduce rental rates. These findings are important to ensure consistent enrollment at the institution and to safeguard student welfare.

Keywords:*StudentHousing, Challenges,StrategicSolutions*

Pengenalan

Asrama adalah momen yang tidak dapat dilupakan di mana pelajar tinggal di dalamnya untuk mengikuti perjalanan akademik mereka jauh dari keluarga mereka (Braim et al., 2023). Asrama pelajar di universiti adalah amat penting kerana asrama menggantikan rumah pelajar pada masa- masa tertentu dan merupakan cerminan persekitaran rumah untuk mereka (Daliri Dizaj et al., 2021). Politeknik Metro Betong Sarawak (PMBS) merupakan institusi yang berada agak jauh daripada Bandar Kuching Sarawak. Biasanya institusi pendidikan mempunyai asrama untuk kediaman pelajar. Namun begitu, PMBS tidak menyediakan kemudahan tempat kediaman ataupun asrama kepada para pelajar. Ini menyebabkan pelajar perlu mendiami bilik atau rumah sewa yang berhampiran dengan institusi semasa proses pembelajaran berlangsung. Namun begitu, apabila pelajar menyewa di rumah sewa ini terdapat pelbagai masalah yang timbul seperti suasana yang bercampur dengan orang awam lain menyebabkan suasana bising serta mengganggu ketenteraman pelajar untuk belajar. Selain itu, bayaran rumah sewa terlalu mahal jika dibandingkan dengan kemudahan yang disediakan menyebabkan perbelanjaan bulanan seseorang pelajar meningkat. Sebenarnya ramai pelajar miskin di institusi pengajian tinggi (Bakar et al., 2024; Razman et al., 2025). Bukan sahaja miskin, malah mereka memerlukan bantuan kewangan seperti zakat seperti yang dibincangkan dalam kajian Ngadiman et al. (2016). Di samping itu juga, aspek keselamatan juga menjadi kerisauan terutamanya dari ibubapa pelajar kerana bilik sewa ini juga didiami oleh orang awam lain dan tiada peraturan dikenakan kepada para penyewa. Berdasarkan kepada tinjauan awal yang dijalankan oleh pensyarah PMBS, terdapat 46.3% pelajar menyatakan bahawa masalah tempat kediaman mereka berada di tahap sederhana. Manakala 27.8% menyatakan masalah ini berada di tahap yang tinggi dan 14.8% menyatakan masalah ini berada di paras yang sangat tinggi dan perlu diselesaikan segera. Selain itu, hanya 11.1% sahaja pelajar yang menyatakan masalah ini berada di tahap yang rendah dan tiada pelajar menyatakan masalah ini di tahap yang sangat rendah. Oleh itu, berdasarkan kepada tinjauan awal ini, boleh disimpulkan bahawa masalah kediaman pelajar di Politeknik METrO Betong Sarawak perlu diambil perhatian sewajarnya oleh pihak institusi.

ObjektifKajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti strategi utama yang perlu diambil untuk mengatasi masalah kediaman dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak.

SorotanKajian

Peranan asrama dalam membentuk sahsiah pelajar tidak boleh dipandang remeh. Asrama menyediakan persekitaran yang berasingan daripada pengaruh luar, termasuk ibu bapa, yang memfokuskan penghuninya kepada pembelajaran dan disiplin. Kajian menunjukkan bahawa

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

kehidupandiasramadapatmemberiruangkepadapelajaruntukberkembang berdikari, membentukjatidiri,danmeningkatkankesedaransosialmereka(Likaetal.,2022). Tambahan pula, faktordisiplinyangditerapkandalampersekitaranasramajugadianggap penting dalam membantupelajarmencapaipencapaianakademikyangbaik,dimanapenerapan disiplin pembelajaranyangketatberpotensimendorongmerekauntuklebihfokusdan teratur dalam prosespembelajaran(Lelboy,2021).Penerimaandanpenciptaaniklimsosio-akademik yang positifdiasramajugamemberiimpakyangketarakepadapencapaianakademik pelajar. Persekitaransosialyangmenyokong,sepertisokongandaripadarakansebaya dan mentor asrama,bolehmenggalakkanpelajarmelibatkandirisecaraaktifdalampembelajaran dan mencapai keputusan yang lebih baik (Utari et al., 2015). Namunbegitu,terdapatkajiandijalankanberkaitandenganmasalahkediaman pelajar di Malaysia(Abdullahetal,2021;Aliasetal.,2021;Roslietal.,2023).Ketiadaan asrama menyebabkankosperbelanjaandigunakanuntukmembayarsewayangbanyak dalam setiap bulan.Iniakanmenyukarkanbagipelajardarikumpulan B40,dimanamereka pun mendapat pelbagaibantuansepanjangpengajian(Yahaya&HayatAdnan,2021).Secara amnya, setiap pelajarperlumengagihkanperbelanjaanmerekasecarateratursupayamampumembayar sewa setiapbulan.Merekaterpaksaperlumenghadkanduitmerekauntuksetiapperbelanjaan yang merekalakukan.Initelahditerangkandalamkajian Hasfazli&Ramli(2021)yang menjelaskan bahawakebanyakanpelajarmasakinimenghadapikrisiskewangan.Dalamkajian Khan et al. (2020),menjelaskanbahawapenginapanhostelmerupakanperkarapentingdalam kehidupan pelajarkeranabolehmempengaruhiprestasiakademikpelajar.Masalahpenginapan pelajar bukansahajaberlakudinegaraini,bahkanberlakujugadiluarnegara(Timothy et al., 2024; Jafiya et al., 2020).

Metodologi Kajian

Instrumenkajianiniadalahmenggunakanborangsoalselidikyangdiedarkan secara dalam talian.Sampelkajianadalahdalamkalanganpelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS).Bilangansampleadalahseramai53orangpelajardarisemester1sehingga semester 6. Peneranganberkaitanlatarbelakangrespondenadalahsepertiyangditunjukkan dalam Rajah 2. Teknikpengumpulandataadalahmenggunakanpensampelanrawak.Manakala analisis yang digunakandalamkajianiniadalahAnalisisDeskriptifiaitumenggunakanperatusan untuk menggambarkanstrategiyangpalingberkesanuntukmengatasimasalahtempat kediaman pelajar di Politeknik METrO Betong Sarawak.

Hasil Kajian

a) Latar belakang responden

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Kumpulan	Kategori	Peratus(%)
Jantina	Lelaki	18.5
	Perempuan	81.5
Semester	1	11.1
	2	16.7
	3	38.9
	4	16.7
	5	9.3

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

	Latihan Industri 1.00 ke	7.3
HPNM	bawah	1.9
	1.00 - 2.00	0.0
	2.00 - 2.99	22.2
	3.00 - 3.33	33.3
	3.43 - 3.67	16.7
	3.68 - 4.00	25.9
	Tiada HPNM (Semester 1)	0.0
Pendapatan Ibubapa	RM1000 - RM4849	90.7
	RM4850 - RM10959	7.4
	RM10960 dan ke atas	1.9

Jadual 1 menunjukkan responden terdiri daripada 53 pelajar dari PMBS. Responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu sebanyak 81.5%, manakala lelaki hanya 18.5%. Dari segi semester, bilangan paling ramai adalah pelajar Semester 3 iaitu 38.9%, diikuti Semester 2 dan 4 masing-masing 16.7%, manakala pelajar Semester 1 hanya 11.1%. Dari aspek pencapaian akademik (HPNM), sebahagian besar pelajar mencatat antara 3.00 – 3.33 (33.3%), manakala 25.9% memperoleh HPNM antara 3.68 – 4.00, menunjukkan prestasi akademik yang baik. Seterusnya, analisis pendapatan ibu bapa mendapati majoriti pelajar (90.7%) berasal daripada keluarga dengan pendapatan RM1000 – RM4849, manakala hanya sebilangan kecil (7.4% dan 1.9%) berasal daripada keluarga berpendapatan lebih tinggi..

b) Analisis Dapatan Kajian: Strategi pilihan pelajar untuk mengatasi masalah kediaman dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak.



Rajah 1: Cadangan Penyelesaian Isu Rumah Pelajar PMBS

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

Rajah 1 menunjukkan terdapat 5 cadangan penyelesaian bagi menyelesaikan isu perumahan dalam kalangan pelajar PMBS. Majoriti responden mencadangkan institusi menyediakan asrama kepada pelajar (68.5%). Ini menjelaskan bahawa, majoriti para pelajar sangat mengharapkan bantuan daripada PMBS sendiri untuk menyediakan asrama sebagai tempat kediaman mereka. Cadangan seterusnya adalah dengan mengurangkan harga bilik sewa (66.7%). Dapatan ini juga menunjukkan bahawa dengan harga sewa yang murah akan meringankan beban kewangan pelajar. Cadangan lain ialah rundingan antara pengusaha rumah sewa dengan institusi (37%), membuat perancangan kewangan pelajar (22.2%), serta mewujudkan program keluarga angkat di sekitar Betong (16.7%). Secara keseluruhan, graf ini menunjukkan keutamaan pelajar lebih tertumpu kepada usaha institusi dan pengurangan kos sewaan berbanding penyelesaian alternatif lain.

Kesimpulan

Kajian ini membincangkan masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar di Politeknik METrO Betong Sarawak. Oleh itu kajian dijalankan untuk mengenal pasti strategi penyelesaian bagi masalah tempat kediaman pelajar yang setakat ini tidak dapat disediakan oleh pihak institusi. Hasil kajian mendapati pilihan terbaik adalah institusi perlu menyediakan asrama kepada pelajar dan mencuba sedaya upaya untuk memastikan rumah/bilik sewa dikurangkan harga kepada para pelajar sepanjang tempoh pengajian di PMBS. Manakala strategi yang piling tidak disukai adalah mewujudkan program anak angkat di sekitar Betong yang mana pelajar merasakan strategi ini tidak relevent kepada meraka. Kajian ini penting kepada institusi bagi memastikan kadar ambilan pelajar di PMBS kekal konsisten dan tidak berkurang hanya kerana PMBS tidak mampu menyediakan kemudahan tempat kediaman pelajar. Selain itu, penemuan dari hasil kajian ini penting bagi memastikan kebajikan para pelajar PMBS di jaga sebaiknya dari aspek keselamatan, masalah sosial, pengurusan emosi dan aspek kewangan. Aspek-aspek ini penting bagi melahirkan para pelajar yang berkualiti serta mempunyai keseimbangan emosi dan fizikal yang sihat. Diharapkan kajian ini mampu memberi memperi impak yang positif kepada pihak institusi dan pelajar ke arah menjadikan PMBS sebagai institusi pendidikan pilihan.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

Rujukan

Abdullah, A. A., Abdu, A., Karam, D. S., Hassan, A., & Awang, M. D. (2021). *Masalah Talian Internet YangLemahDan Persekitaran Yang TidakKondusifUntukTujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar KolejKediaman UniversitiPutraMalaysia (Upm) Pasca Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)COVID-19* . In International Seminar on Student Housing and Development (ISHAD 2021) (p. 266).

Alias, A., Shaban, S. H., Arifain, S. M. K., & Karim, A. K. A. (2021). *Hubungan kesunyian dengan ketagihan internet dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka semasa pandemikCOVID-19* . Jurnal'Ulwan, 6(1), 65-79.

Bakar, S., Sahidol, J. N. M., & Muslim, M. (2024). Faktor Permasalahan Pelajar Pasca Sijil Pelajaran Malaysia (2021) Enggan Melanjutkan Pelajaran. *Gading Journal for the Social Sciences (e-ISSN 2600-7568)*, *27*, 26-32.

Braim, S., Qadir, N. M., & Ahmed, T. K. (2023). Effect of dormitory living on academic performance of students at University of Sulaimani. *Journal of Zankoy Sulaimani, Part-A (Pure and Applied Sciences).*

Daliri Dizaj, M., & Hatami Khanghahi, T. (2021). Students' residential preferences: a case study is dormitories of University of Mohaghegh Ardabili. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*, *21*(4), 1348–1363. https://doi.org/10.1080/13467581.2021.1941987

Hasfazli, S. A. N., & Ramli, Z. (2021). *Pengetahuan dan tingkah laku kewangan dalam kalangan miskin bandar*. *e-BANGI*, *18*(2), 147-161.

Jafiya, G., Shingu, J. J., & Joseph, S. (2020). *Problems of Hostel Accommodation on Campus, a Survey of College of Education Hong*, Adamawa State.

Khan, F. R., Shekili, A., Said, N., Al Badi, A. S., & Al Khanbashi, H. A. (2020). *Exploring the impact of hostel life of students on academic performance: Sohar University–a case study*. International Journal of Research in Entrepreneurship & Business Studies, 1(1), 1-14.

Lelboy, V. (2021). Pengaruh penerapan disiplin belajar terhadap peningkatan prestasi belajar mahasiswi asrama puteri sekolah tinggi pastoral atma reksa ende. Atma Reksa : Jurnal Pastoral Dan Kateketik, 6(1), 33. https://doi.org/10.53949/ar.v6i1.95

Lika, O., Duha, M. S., & Santy, M. (2022). Asrama dan pembina asrama: medan pembentukan karakter mahasiswa. In Theos : Jurnal Pendidikan Dan Theologi, 2(3), 77-83. https://doi.org/10.56393/intheos.v2i3.1227

Ngadiman, D. W. T., Wahid, H., & Nor, M. A. M. (2016, October). Sumber Pengetahuan Tentang Zakat: Kajian Di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. In *Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Pendidikan Islam (Madrasah)* (pp. 176-184).

Razman, R. J., Zulkifli, H. S. M., Nabil, N. M., & Roslan, N. H. (2025). Peranan Pusat Pungutan Zakat Kuala Lumpur (PPZ-KL) dalam pembangunan pendidikan mahasiswa B40 di universiti swasta: The role of the Kuala Lumpur Zakat Collection Centre (PPZ-KL) in the educational development of B40 students at private universities. *Selangor Humaniora Review, 9*(1), 10–32.

Rosli, S. A., Nasim, M. F. S. M., Nekmat, N. A., & Yasin, M. S. M. (2023). *E-aduan Pelajar Kolej Kediaman Pelajar Kampus Pagoh*. Multidisciplinary Applied Research and Innovation, 4(2), 111-117.

Utari, R., Sutapa, M., & Rahmawati, T. (2015). Pembentukan iklim sosial-akademik di asrama mahasiswa. Jurnal Penelitian Humaniora, 19(1). https://doi.org/10.21831/hum.v19i1.3508

Yahaya, M., & Hayat Adnan, W. (2021). *Cabaran pelajar melalui kaedah pembelajaran atas talian: kajian institusi pengajian tinggi awam Malaysia*. Journal of Media and Information Warfare (JMIW), *14*, 11-20.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

INSPIRASI ILMIAH

eISSN: 2637 - 0956

JURNAL PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL

www.academicinspired.com/jossr

JOSSR

Jurnal
PENYELIDIKAN
SAINS SOSIAL
www.academicinspired.com/jossr jossrofficial@gmail.com
eISSN: 2637 - 0956

Vol. 8 No. 28 (2025): Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025]



PUBLISHED: 2025-09-24

ARTICLES

Strategi penyelesaian kepada masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak

Abang Abdul Muizz Abdul Rahman, Rohanisah Sahari, Ruzaini Abd Razak 17-22

Abstract View 77 PDF 43

Kajian pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak

Rohanisah Sahari , Afifah Bolhassan, Hasimah Salleh 39-46

Abstract View 69 PDF 29

Keberkesanan program inkubator keusahawanan dalam memupuk minat berniaga di kalangan pelajar

Nur Aqila Hussin 23-30

Abstract View 57 PDF 20

Exploring the synergy of augmented reality and TVET: Enhancing engagement and skill development.

Nor Roselidyawaty Mohd Rokeman, Che Ghani Che Kob, Mohd Nasir Mohd Yaacob 1-16

Abstract View 43 PDF 31

Kefahaman tentang isu etika dan integriti akademik dalam penggunaan ChatGPT dari perspektif pelajar

Marlia Marzuki 31-38

Abstract View 180 PDF 170

FOCUS & SCOPE

Jurnal
PENYELIDIKAN
SAINS SOSIAL
www.academicinspired.com/jossr jossrofficial@gmail.com
eISSN: 2637 - 0956

Kajian pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak

Rohanisah Sahari
Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak

Afifah Bolhassan
Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak

Hasimah Salleh
Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak

Keywords: pengurusan kewangan, literasi kewangan, masalah kewangan

ABSTRACT

Pengurusan kewangan Pelajar merupakan satu kajian yang luas dan mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik dewasa ini. Ini kerana Pengurusan kewangan yang baik dapat memberi impak yang positif terhadap kewangan pelajar dan pencapaian akademik pelajar dan kesejahteraan hidup pelajar. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah kewangan yang hadapi oleh pelajar sepanjang pengajian, mengukur tahap pengurusan kewangan pelajar dan menentukan hubungan antara masalah kewangan pelajar terhadap pengurusan kewangan pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 34 orang pelajar Diploma Kewangan(DFI)/Diploma Kewangan dan Perbankan(DKB) di Politeknik METrO Betong Sarawak. Instrumen soal selidik diedarkan secara rawak secara atas talian. Data yang dikumpul di analisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan data statistik deskriptif dan Regression linear untuk mengetahui hubungan faktor yang dikaji.Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah kewangan yang dihadapi pelajar DFI/DKB adalah pada tahap yang lemah sepanjang pengajian mereka di PMBS, manakala tahap pengurusan kewangan pelajar DFI/DKB berada pada tahap yang sederhana. Kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif diantara tahap pengurusan kewangan pelajar dan masalah kewangan pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan kewangan yang baik dapat mengurangkan masalah kewangan pelajar.

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 39-46]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/joss r
DOI: 10.55573/JOSSR.082805

KAJIAN PENGURUSAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK

A STUDY ON FINANCIAL MANAGEMENT AMONG POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK STUDENTS

Rohanisah Sahari [1]
Afifah Bolhassan[2]
Hasimah Salleh[3]

[1] Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak (E-mail: rohanisah@pmbs.edu.my)
[2] Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak (E-mail: afifah.b@pmbs.edu.my)
[3] Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak (E-mail: Hasimahs@pmbs.edu.my)

Article history
Received date : 26-9-2025
Revised date : 27-9-2025
Accepted date : 17-10-2025
Published date : 24-10-2025

Tocitethisdocument:
Sahari, R., Bolhassan, A.,& Salleh, H. (2025). Kajian pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR),* 8 (28), 39-46.

Abstrak: *Pengurusan kewangan Pelajar merupakan satu kajian yang luas dan mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik dewasa ini. Ini kerana Pengurusan kewangan yang baik dapat memberi impak yang positif terhadap kewangan pelajar dan pencapaian akademik pelajar dan kesejahteraan hidup pelajar. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah kewangan yang hadapi oleh pelajar sepanjang pengajian, mengukur tahap pengurusan kewangan pelajar dan menentukan hubungan antara masalah kewangan pelajar terhadap pengurusan kewangan pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 34 orang pelajar Diploma Kewangan(DFI)/Diploma Kewangan dan Perbankan(DKB) di Politeknik METrO Betong Sarawak. Instrumen soal selidik diedarkan secara rawak secara atas talian. Data yang dikumpul di analisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan data statistik deskriptif dan Regression linear untuk mengetahui hubungan faktor yang dikaji.Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah kewangan yang dihadapi pelajar DFI/DKB adalah pada tahap yang lemah sepanjang pengajian mereka di PMBS, manakala tahap pengurusan kewangan pelajar DFI/DKB berada pada tahap yang sederhana. Kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif diantara tahap pengurusan kewangan pelajar dan masalah kewangan pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan kewangan yang baik dapat mengurangkan masalah kewangan pelajar.* **Kata kunci:** *pengurusan kewangan, literasi kewangan, masalah kewangan* **Abstract**: *Student financial management is a broad area of study that has recently attracted the attention of researchers. This is because good financial management can have a positive impact on students' finances, academic achievement, and overall well-being. Therefore, the objective of this study is to identify the financial problems faced by students during their studies, measure the level of students' financial management, and determine the relationship between students' financial problems and their financial management. The study sample consisted of 34 Diploma in Finance (DFI)/Diploma in Finance and Banking (DKB) students at Politeknik*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 39-46]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/joss r
DOI: 10.55573/JOSSR.082805

METrO Betong Sarawak. The questionnaire instrument was randomly distributed online. The collected data was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) to obtain descriptive statistics and linear regression to examine the relationships between the studied factors. The findings show that the financial problems faced by DFI/DKB students were at a weak level throughout their studies at PMBS, while the students' level of financial management was at a moderate level. The study also found that there is a significant positive relationship between students' financial management and their financial problems. This study indicates that good financial management can help reduce students' financial problems.

Keywords:*financial management,financial literacy,financialproblems*

Pengenalan

Pengurusan Kewangan merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan kehidupan pelajar terutamanya pelajar yang belajar di peringkat pengajian tinggi. Dalam pengurusan kehidupan seorang pelajar, mereka perlu memikirkan bagaimana untuk menguruskan sumber kewangan yang terhad di samping menumpukan perhatian terhadap pencapaian akademik mereka agar sentiasa cemerlang. Literasi kewangan menjadi faktor penggerak utama dalam pengurusan kewangan yang efektif. Kajian oleh Abdul-Rahman et al. (2016) menegaskan bahawa pengetahuan tentang pengurusan kewangan seharusnya diterapkan dalam kurikulum pendidikan tinggi, tanpa mengira bidang pengajian. Hal ini diperkukuhkan oleh hasil kajian Yakob dan Janor (2015) yang menunjukkan bahawa usaha untuk meningkatkan literasi kewangan perlu diperhebat dalam kalangan pelajar universiti. Kebolehan untuk memahami tentang kewangan memberi pelajar kelebihan dalam membuat keputusan perbelanjaan dan simpanan yang lebih bijak (Zahari & Wahid, 2020). Terdapat hubungan positif antara tahap literasi kewangan dan tingkah laku perbelanjaan yang bertanggungjawab dalam kalangan mahasiswa (Wei et al., 2019).

Kehidupan di kampus merupakan satu cabaran yang hebat kepada pelajar, apabila mereka mula mengendalikan kewangan mereka sendiri tanpa pengawasan daripada ibu bapa mereka. Keadaan ini akan menjadi lebih rumit jika pelajar tidak mempunyai asas dalam pengurusan kewangan. Satu lagi aspek penting dalam pengurusan kewangan adalah kesedaran tentang perbelanjaan dan pengurusan hutang. Rafdi et al. (2023) menjelaskan bahawa literasi kewangan, termasuk kemampuan untuk mengurus pinjaman dan perbelanjaan, adalah faktor penting yang mempengaruhi prestasi kewangan pelajar. Dalam kajian Salleh et al. (2020), pengetahuan kewangan di kalangan pelajar guru menunjukkan bahawa mereka mampu mengurus kewangan dengan lebih baik apabila dilengkapi dengan ilmu yang tepat. Pelajar yang tidak mempunyai asas dalam pengurusan kewangan berisiko mengalami masalah kewangan. Masalah ini boleh menjejaskan pencapaian akademik, kesihatan mental dan kesejahteraan hidup mereka. Isu pengurusan kewangan ini telah menarik pelbagai pihak dan penyelidik apabila terdapat pelajar yang bekerja separuh masa bagi memenuhi keperluan perbelanjaan harian mereka. Lebih menyedihkan apabila terdapat pelajar yang mempunyai pinjaman pendidikan atau biasiswa tetapi mereka tidak dapat menguruskan kewangan mereka dengan baik. Keadaan ini menyebabkan pelajar mengalami tekanan kewangan. Selain itu permasalahan ini boleh mendatangkan impak pada masa jangka panjang seperti beban hutang selepas tamat pengajian. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti masalah kewangan yang dihadapi pelajar sepanjang pengajian, mengukur tahap pengurusan kewangan pelajar dan menganalisis hubungan diantara kedua-dua faktor tersebut.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 39-46]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/joss r
DOI: 10.55573/JOSSR.082805

ObjektifKajian

Terdapat tiga objektif kajian ini dijalankan iaitu:

a) Mengenal pasti masalah kewangan yang hadapi oleh pelajar sepanjang pengajian
b) Menilai tahap pengurusan kewangan pelajar
c) Menentukan hubungan antara masalah kewangan pelajar terhadap pengurusan kewangan pelajar

SorotanKajian

Pengurusan kewangan pelajar telah lama menjadi tumpuan penyelidik dan telah menjadi bidang kajian yang meluas. Kajian ini sering berkaitan dengan literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan. Menurut kajian Sabri dan Falathi (2013) literasi kewangan memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Pelajar yang mempunyai literasi kewangan yang baik akan dapat mengurus perbelanjaan harian mereka dengan baik dan terancang. Sikap dan tabiat perbelanjaan pelajar yang tidak teratur juga akan menyebabkan pelajar menghadapi masalah kewangan. Kenyataan ini disokong oleh Norvilitis dan Mendes-DeCosta(2012) meyatakan bahawa sikap pelajar yang impulsif lebih mudah berhutang dan menghadapi masalah kewangan. Manakala dari sumber kewangan pula kekangan pendapatan meningkatkan tekanan kewangan dan menjejaskan akademik(Ahmad et al.,2016). Oleh yang demikian bantuan kewangan daripada pihak institusi seperti biasiswa atau pinjaman pendidikan sangat membantu pelajar dalam mengatasi masalah kewangan mereka. Namun begitu pelajar perlu mengamalkan perbelanjaan berhemah. Ini boleh dilakukan dengan mengamalkan membuat bajet perbelanjaan yang berkaitan dengan kepuasan kewangan (Xioa et al.,2014). Selain daripada itu, pengaruh rakan sebaya dan persekitaran juga menjadi punca pengurusan kewangan pelajar tidak sistematik. Pengaruh rakan sebaya seperti penggunaan kad kredit dan gaya hidup mewah juga mendatangkan masalah kewangan. (Robb & Pinto,2010). Pelajar yang memiliki pengetahuan yang lebih baik tentang pengurusan kewangan cenderung untuk mengelakkan masalah kewangan, seperti kemungkiran pinjaman (Yakob & Janor, 2015). Oleh itu pelajar perlu tahu membezakan diantara keperluan dan kehendak agar dapat menguruskan kewangan mereka dengan baik. Namun begitu masalah ini dapat diatasi dengan memberikan pendedahan pengurusan kewangan dari sejak kecil lagi dan ditambah dengan ilmu literasi kewangan semasa di peringkat universiti (Sabri et al,2008). Ini kerana masalah kewangan adalah isu serius yang perlu ditangani kerana ia membawa kepada pelbagai peringkat masalah seperti isu kesihatan dan prestasi akademik (Norazlan et al., 2020).

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif yang telah dilakukan di Politeknik METrO Betong Sarawak. Seramai 34 orang pelajar Diploma Kewangan (DFI) / Diploma Kewangan Dan Perbankan (DKB) telah menjawab soal selidik yang dijalankan secara dalam atas talian. Kajian ini menggunakan Teknik pensampelan secara rawak mudah kepada semua pelajar. Item kajian dibina berdasarkan kajian lepas. Data yang telah dikumpulkan dianalisis secara statistik menggunakan analisis deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min. Nilai min akan diterjemahkan kepada berikut seperti yang digunakan dalam kajian Ngadiman et al. (2019): 1.00– 1.99 (Lemah); 2.00– 2.99 (Rendah); 3.00– 3.99 (Sederhana); 4.00– 5.00 (Tinggi). Selain daripada itu, analisis regresi linear digunakan untuk mencari hubungan diantara tahap pengurusan pelajar dan masalah kewangan pelajar.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 39-46]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/joss r
DOI: 10.55573/JOSSR.082805

Hasil Kajian

Latar Belakang Responden

Latar belakang responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Item		n	%
Jantina	Lelaki	12	37.5
	Perempuan 1 - 2 3 - 4	20	62.5
Semester	5 - 6	11	34.4
	2.01 - 3.00	13	40.6
	3.01 - 4.00	8	25.0
HPNM	Tiada HPNM (Sem 1)	9	28.1
		15	46.9
		8	25.0
Pendapatan bapa	ibu Kurang daripada RM1,000	7	21.9
	Lebih daripada RM10,000	1	3.1
	RM1,001 – RM3,000	17	53.1
	RM3,001 – RM5,000	3	9.4
	RM5,001 – RM7,000	3	9.4
	RM7,001 – RM10,000	1	3.1
Sumber kewangan pelajar	utama Biasiswa / tajaan	10	31.3
	Pinjaman pendidikan (PTPTN / MARA / lain-lain)	4	12.5
	Wang saku daripada ibu bapa / keluarga	18	56.3

Latar belakang responden adalah seperti dalam jadual 1. Hasil kajian menunjukkan bahawa 37.5% adalah pelajar lelaki dan 62.5% adalah pelajar perempuan. Semua responden terdiri daripada Diploma Kewangan (DFI)/Diploma Kewangan dan Perbankan (DKB) yang mana 34.4% adalah pelajar DFI1A, diikuti seramai 40.6% pelajar DFI3A dan 25% adalah pelajar DKB5. Himpunan Purata Nilai Mata pelajar pula 28.1% memiliki 2.00 hingga 3.00 HPNM. Seterusnya 46.9% memiliki 3.01-4.00 HPNM dan 25% terdiri daripada pelajar semester 1 yang tiada HPNM. Dari segi pendapatan keluarga pula, 21.9% mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,000, 3.1% mempunyai pendapatan keluarhga melebihi RM10,000. Manakala 53.1% mempunyai pendapatan RM1,001 - RM3,000. Bagi pendapatan RM3,001 - RM5,000 dan RM5,001 - RM7,000 masing-masing 9.4% dan pendapatan RM7,001 - RM10,000 adalah sebanyak 3.1%. Sumber utama kewangan pelajar adalah 56.3% daripada wang saku daripada ibu bapa/penjaga, diikuti oleh 31.1% biasiswa/tajaan. Manakala hanya 12.5% yang menggunakan pinjaman pendidikan seperti PTPTN/ MARA atau lain-lain.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 39-46]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/joss r
DOI: 10.55573/JOSSR.082805

Masalah kewangan yang hadapi oleh pelajar sepanjang pengajian

Jadual 2: Masalah Kewangan Yang Hadapi Oleh Pelajar Sepanjang Pengajian

No	Item	Min	S.P	Tahap
1	Saya sering berasa stres atau risau berkaitan kewangan.	2.63	1.16	Rendah
2	Saya tinggal di penginapan murah atau berkongsi bilik untuk menjimatkan kos.	2.5	1.5	Rendah
3	Saya kerap meminjam wang daripada rakan atau keluarga.	2.28	0.89	Rendah
4	Saya menghadapi kekurangan makanan atau keperluan asas.	2.09	1.09	Rendah
5	Saya terpaksa membatalkan aktiviti sosial kerana kos.	1.91	1.17	Lemah
6	Saya tidak mampu bayar kos rawatan perubatan ringan ke klinik sekiranya saya sakit	1.75	1.14	Lemah
7	Saya menghadapi kesukaran membeli buku atau bahan pembelajaran.	1.72	0.85	Lemah
8	Saya sukar membayar yuran atau kos kursus tepat pada masanya.	1.69	0.78	Lemah
9	Saya mengambil kerja sambilan tambahan untuk menampung perbelanjaan.	1.53	0.95	Lemah
10	Saya mempunyai beban hutang yang semakin meningkat.	1.41	0.76	Lemah
Purata		**1.95**	**0.72**	**Lemah**

Jadual 2 menunjukkan masalah kewangan yang sering dihadapi oleh pelajar sepanjang pengajian mereka di PMBS. Masalah utama yang timbul adalah pelajar sering berasa stres atau risau berkaitan kewangan dengan nilai min 2.63. Masalah kedua adalah pelajar tinggal di penginapan murah atau berkongsi bilik untuk menjimatkan kos dengan nilai min 2.50. Manakala masalah yang ketiga adalah pelajar kerap meminjam wang daripada rakan atau keluarga (min 2.28). Namun begitu permasalahan yang timbul ini berada pada tahap yang lemah dengan nilai min purata 1.95. Nilai Purata ini pada tahap yang lemah kerana pelajar akan didedahkan dengan taklimat pengurusan kewangan pada setiap semester sebagai salah satu keperluan dalam silibus kewangan. Ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Wachira dan Kihiu (2012) yang mendapati tahap pendidikan kewangan mempengaruhi serta mempunyai hubungan yang positif dengan literasi kewangan. Secara tidak langsung pelajar dapat mengatasi masalah kewangan mereka dengan mudah.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 39-46]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/joss r
DOI: 10.55573/JOSSR.082805

Tahap Pengurusan Kewangan Pelajar

Jadual 3: Tahap Pengurusan Kewangan Pelajar

No	Item	Min	S.P	Tahap
1	Saya menggunakan wang yang sepatutnya untuk belajar (contoh: buku, yuran) kepada perkara lain.	2.94	1.22	Rendah
2	Saya percaya bahawa pelajar yang miskin tetap mempunyai masalah kewangan walaupun mempunyai pengurusan kewangan yang baik	2.88	1.29	Rendah
3	Saya mudah tergoda berbelanja apabila ada promosi atau jualan murah.	2.84	1.05	Rendah
4	Saya tidak mencatat atau merekodkan perbelanjaan harian saya.	2.81	1.09	Rendah
5	Saya lebih mengutamakan membeli barang kehendak berbanding keperluan.	2.63	1.26	Rendah
7	Saya sering berbelanja tanpa membuat perancangan awal.	2.31	1	Rendah
8	Saya tidak pernah belajar cara pengurusan kewangan yang betul.	2.16	1.17	Rendah
9	Saya kerap berbelanja melebihi wang yang diberikan oleh ibu bapa.	2.09	1.06	Rendah
10	Saya sesekali membelanjakan wang lebih kepada hiburan berbanding pembelajaran.	2.06	1.01	Rendah
11	Saya jarang atau tidak pernah menyimpan wang yang diberikan oleh ibu bapa.	1.97	1.03	Lemah

Jadual 3 adalah hasil kajian tahap pengurusan kewangan pelajar Diploma Kewangan di PMBS.

Antara isi-isu yang timbul dalam tahap pengurusan kewangan pelajar adalah pelajar menggunakan wang yang sepatutnya untuk belajar (contoh: buku, yuran) kepada perkara lain dengan nilai min 2.94. Ini diikuti oleh pelajar percaya bahawa pelajar yang miskin tetap mempunyai masalah kewangan walaupun mempunyai pengurusan kewangan yang baik dengan nilai min 2.88. Manakala yang ketiga Adalah pelajar mudah tergoda berbelanja apabila ada promosi atau jualan murah dengan nilai min 2.84. Namun begitu min purata bagi tahap pengurusan kewangan ini adalah 2.47 iaitu pada tahap rendah. Kesimpulan hasil daripada dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap pengurusan yang sederhana sepanjang pengajian mereka di PMBS.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 39-46]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/joss r
DOI: 10.55573/JOSSR.082805

Analisis Pengaruh Masalah Kewangan Pelajar Terhadap Pengurusan Kewangan Pelajar

Jadual 4: Pengaruh Masalah Kewangan Terhadap Pengurusan Kewangan

Pemboleh ubah Bebas	Pemboleh ubah bersandar	sisihan piawai	Beta	Nilai-t	Sig.
TahapPengurusan KewanganPelajar	Masalah Kewangan Pelajar	0.146	0.604	4.153	0.000

Pembolehubahbebasdalam kajian ini adalah Tahap Pengurusan Kewangan Pelajar manakala pembolehubahbersandar adalah Masalah Kewangan Pelajar. Hasil kajian menunjukkan nilai beta(0.64),nilai-t=-4.153 dan nilai signifikan adalah= $p<0.05$. ini menunjukkan bahawa terdapathubungansignifikan di antara tahap pengurusan kewangan pelajar dengan masalah kewanganpelajar.Nilai beta pula 0.64 menunjukkan bahawa nilai beta yang tinggi menunjukkantahappengurusan kewangan pelajar memberi kesan yang positif terhadap MasalahKewanganPelajar. Kesimpulan hasil kajian ini adalah semakin tinggi tahap pengurusankewanganpelajar yang timbul, semakin besar pengaruhnya kepada terhadap masalahkewanganpelajar. Sehubungan itu, menurut Salleh, H. (2024) pentingnya pengurusan kewanganyangbetuldalam kalangan pelajar di samping merangka jenis bantuan bagi kumpulanpelajaryangmemerlukan.

Kesimpulan

Pengurusankewanganpelajar merupakan aspek penting yang perlu dititikberatkan oleh pihak institusiterutamaparapensyarah yang mempunyai hubungan baik bersama pelajar iaitu PenasihatAkademik.Hasil daripada kajian ini adalah masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajarDiplomaKewangan/Diploma Perbankan dan kewangan di PMBS adalah pada tahap yanglemah.Inimenunjukkan bahawa ilmu pengurusan kewangan yang mereka telah terima bermuladaripadasemester satu sehingga semester 5 sangat membantu pelajar dalam mengurus kewanganmereka.Inidisokong oleh Salleh (2024), taklimat kewangan dengan kerjasama bank-banktempatanjugamemberi impak yang positif kepada pelajar dalam pengurusan kewangan mereka.Manakaladariaspek pengurusan kewangan pula berada pada tahap sederhana. Namun begitutahappengurusan ini masih boleh dipertingkatkan lagi dengan menambah program literasikewangandengan pemantauan pihak penasihat akademik agar pelajar sentiasa mengamalkanperbelanjaan berhemah setiap kali perjumpaan bersama Penasihat Akademik. Ini selaridengankajianSalleh (2025). Iaitu pentingnya peranan Penasihat Akademik untuk memantaupelajarbagimengelakkan pelajar tertekan dengan masalah mereka hadapi. Hasil dapatankajianinijugamenunjukkan bahawa tahap pengurusan kewangan pelajar mempunyai hubunganyangsignifikan terhadap masalah kewangan pelajar. Pengurusan kewangan yang tidaksistematikmenunjukkan pelajar mempunyai masalah kewangan yang tinggi. Ini akan menyebabkanpelajarmenghadapi tekanan kewangan dan terganggu kesihatan mental serta pencapaianakademikmerosot.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 39-46]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/joss r
DOI: 10.55573/JOSSR.082805

Rujukan

Abdul-Rahman, A., Wajeeha, Z., & Satu, T. (2016). Faktor penentu pengurusan kewangan: kes mahasiswa universiti kebangsaan malaysia. Personalia, 19(2). https://doi.org/10.17576/personalia.1902.2016.09

Ahmad, N. H., Baharudin, N. H., & Paim, L. (2016). Financial management practices among Malaysian university students. *International Journal of Education and Research, 4*(5), 123–136.

Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. *Journal of Economic Literature, 52*(1), 5–44.

Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, *12*(2), 238-254.

Norazlan, N., Yusuf, S., & Mohamed Hamoud Al-Majdhoub, F. A. T. I. M. A. (2020). The financial problems and academic performance among public university students in Malaysia. The Asian Journal of Professional and Business Studies, 2(2).

Norvilitis, J. M., & Mendes-DeCosta, S. (2012). Financial well-being of college students: Parental contributions, financial literacy, and student debt. *Journal of Economic Psychology, 33*(1), 118–126.

Rafdi, N., Bakar, N., Sabri, S., & Roshadi, A. (2023). Faktor yang mempengaruhi pengurusan kewangan mahasiswa prasiswazah: kajian kes di universiti islam selangor. Journal of Management and Muamalah, 13(2), 60-69. https://doi.org/10.53840/jmm.v13i2.156

Robb, C. A., & Pinto, M. B. (2010). College students and credit card use: The role of parents, work experience, and financial education. *Journal of Family and Economic Issues, 31*(2), 161–170.

Sabri, M. F., & Falahati, L. (2013). Predictors of financial well-being among Malaysian workers: Examining the mediate effect of financial stress. *Asian Social Science, 9*(17), 1–10

Sabri, M. F., MacDonald, M., Hira, T. K., & Masud, J. (2008). Childhood consumer experience and the financial literacy of college students in Malaysia. *Family and Consumer Sciences Research Journal, 37*(2), 167–184.

Salleh, H. (2024). Pengaruh pendapatan keluarga terhadap masalah kewangan pelajar. Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR), 7 (22), 1 - 6.

Salleh, H. (2025). Faktor yang mempengaruhi pencapaian penilaian berterusan pelajar. Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR), 8 (26), 474-481.

Salleh, S., Mohamad, S., Haris, Z., & Nor, M. (2020). Literasi kewangan siswa guru program persediaan ijazah sarjana muda perguruan (ppismp) di institut pendidikan guru kampus ilmu khas. TEMPAWAN. https://doi.org/10.61374/temp06.20

Wei, L., Fui, T., Chong, K. H., Dharrsheni, A., & Anand, P. P. (2019). Rubayah Yakob*, Hendon Redzuan & Mohd Hafizuddin Syah Bangaan Abdullah. *Jurnal Personalia Pelajar*, *26*, 2.

Yakob, R. and Janor, H. (2015). Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: kajian di universiti kebangsaan malaysia. Personalia, 18(1). https://doi.org/10.17576/personalia.1801.2015.06

Zahari, S. A., & Wahid, H. (2020). Literasi kewangan dan kesannya terhadap gelagat perbelanjaan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, *23*(1).

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

INSPIRASI ILMIAH

eISSN: 2637 - 0956

JURNAL PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL

JOSSR

www.academicinspired.com/jossr



Jurnal
PENYELIDIKAN
SAINS SOSIAL
www.academicinspired.com/jossr jossrofficial@gmail.com
eISSN: 2637 - 0956

CURRENT ISSUE

Vol. 8 No. 28 (2025): Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025]



PUBLISHED: 2025-09-24

Ar ticles

Kefahaman tentang isu etika dan integriti akademik dalam penggunaan ChatGPT dari perspektif pelajar

Marlia Marzuki 31-38

Abstract View 3 PDF 2

Strategi penyelesaian kepada masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak

Abang Abdul Muizz Abdul Rahman, Rohanisah Sahari, Ruzaini Abd Razak 17-22

Abstract View 11 PDF 1

Keberkesanan program inkubator keusahawanan dalam memupuk minat berniaga di kalangan pelajar

Nur Aqila Hussin 23-30

Abstract View 4 PDF 0

Exploring the synergy of augmented reality and TVET: Enhancing engagement and skill development.

Nor Roselidyawaty Mohd Rokeman, Che Ghani Che Kob, Mohd Nasir Mohd Yaacob 1-16

Abstract View 8 PDF 8

VIEW ALL ISSUES

FOCUS & SCOPE

Jurnal
PENYELIDIKAN
SAINS SOSIAL
www.academicinspired.com/jossr jossrofficial@gmail.com
eISSN: 2637 - 0956

Strategi penyelesaian kepada masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak

Abang Abdul Muizz Abdul Rahman
JabatanAkademik,PoliteknikMETrOBetong Sarawak

Rohanisah Sahari
JabatanAkademik,Politeknik METrO Betong Sarawak

Ruzaini Abd Razak
JabatanAkademik,Politeknik METrO Betong Sarawak

Keywords: Kediaman Pelajar, Cabaran, Strategi Penyelesaian

PDF 1

ABSTRACT

Kediaman pelajar merupakan salah satu kemudahan asas penting yang perlu disediakan oleh sesebuah institusi pembelajaran terutamanya di peringkat pendidikan tinggi. Namun begitu, sehingga kini fasiliti ini tidak dapat disediakan oleh Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) yang menyebabkan para pelajar perlu menyewa rumah sewa terutamanya bagi pelajar yang tinggal jauh dari daerah Betong. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi yang perlu diambil oleh institusi mahupun pelajar PMBS dari aspek kediaman pelajar. Instrumen kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar PMBS dari semester 1 sehingga semester 6. Bilangan sampel adalah seramai 54 orang pelajar. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan pensampelan rawak. Manakala analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah Analisis Deskriptif iaitu menggunakan peratusan untuk menggambarkan strategi yang paling berkesan untuk mengatasi masalah tempat kediaman pelajar di PMBS. Hasil kajian mendapati strategi yang paling berkesan untuk menangani masalah ini adalah institusi menyediakan asrama untuk pelajar dan mencadangkan agar dikurangkan harga bilik sewa oleh pemilik rumah sewa. Hasil kajian ini penting bagi

PUBLISHED

2025-09-24

HOW TO CITE

Abdul Rahman, A. A. M., Sahari, R., & Abd Razak, R. (2025). Strategi penyelesaian kepada masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, *8*(28), 17–22. Retrieved from https://academicinspired.com/jossr/article/view/3357

More Citation Formats

ISSUE

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

STRATEGI PENYELESAIAN KEPADA MASALAH KEDIAMAN PELAJAR DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK METrOBETONG SARAWAK

SOLUTION STRATEGIES FOR STUDENT HOUSING ISSUES AMONG POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK STUDENTS

Abang Abdul Muizz Abdul Rahman[1]
Rohanisah Sahari[2]
Ruzaini Abd Razak[3]

[1,2,3] Jabatan Akademik, Politeknik METrO Betong Sarawak
(E-mail: abgabdmuizz@pmbs.edu.my, rohanisah@pmbs.edu.my, ruzaini.ar@pmbs.edu.my)

Article history
Received date : 18-7-2025
Revised date : 19-7-2025
Accepted date : 25-8-2025
Published date : 24-9-2025

Tocitethisdocument:
Abdul Rahman, A. A. M., Sahari, R., & Abd Razak, R. (2025). Strategi penyelesaian kepada masalah kediaman pelajar dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR),* 8 (28), 17 - 22.

Abstrak: *Kediaman pelajar merupakan salah satu kemudahan asas penting yang perlu disediakan oleh sesebuah institusi pembelajaran terutamanya di peringkat pendidikan tinggi. Namun begitu, sehingga kini fasiliti ini tidak dapat disediakan oleh Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) yang menyebabkan para pelajar perlu menyewa rumah sewa terutamanya bagi pelajar yang tinggal jauh dari daerah Betong. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi yang perlu diambil oleh institusi mahupun pelajar PMBS dari aspek kediaman pelajar. Instrumen kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar PMBS dari semester 1 sehingga semester 6. Bilangan sampel adalah seramai 54 orang pelajar. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan pensampelan rawak. Manakala analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah Analisis Deskriptif iaitu menggunakan peratusan untuk menggambarkan strategi yang paling berkesan untuk mengatasi masalah tempat kediaman pelajar di PMBS. Hasil kajian mendapati strategi yang paling berkesan untuk menangani masalah ini adalah institusi menyediakan asrama untuk pelajar dan mencadangkan agar dikurangkan harga bilik sewa oleh pemilik rumah sewa. Hasil kajian ini penting bagi menjamin kadar ambilan di institusi ini kekal konsisten dan memastikan kebajikan pelajar terjaga.*

Kata kunci: *Kediaman Pelajar, Cabaran, Strategi Penyelesaian*

Abstract: *Student housing is one of the essential basic facilities that should be provided by educational institutions, particularly at the higher education level. However, to date, this facility has not been made available by Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS), which forces students, especially those living far from the Betong district, to rent private accommodations. Therefore, the objective of this study is to identify strategies that should be taken by the institution as well as PMBS students regarding student housing. The research instrument used was an online questionnaire. The study sample consisted of PMBS students*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

from semester 1 to semester 6, with a total of 54 respondents. The data collection technique applied was random sampling, while the analysis used was Descriptive Analysis through percentages to illustrate the most effective strategies in addressing student housing issues at PMBS. The findings indicate that the most effective strategies to address this issue are for the institution to provide dormitories for students and for landlords to reduce rental rates. These findings are important to ensure consistent enrollment at the institution and to safeguard student welfare.

Keywords:*StudentHousing, Challenges,StrategicSolutions*

Pengenalan

Asrama adalah momen yang tidak dapat dilupakan di mana pelajar tinggal di dalamnya untuk mengikuti perjalanan akademik mereka jauh dari keluarga mereka (Braim et al., 2023). Asrama pelajar di universiti adalah amat penting kerana asrama menggantikan rumah pelajar pada masa- masa tertentu dan merupakan cerminan persekitaran rumah untuk mereka (Daliri Dizaj et al., 2021). Politeknik Metro Betong Sarawak (PMBS) merupakan institusi yang berada agak jauh daripada Bandar Kuching Sarawak. Biasanya institusi pendidikan mempunyai asrama untuk kediaman pelajar. Namun begitu, PMBS tidak menyediakan kemudahan tempat kediaman ataupun asrama kepada para pelajar. Ini menyebabkan pelajar perlu mendiami bilik atau rumah sewa yang berhampiran dengan institusi semasa proses pembelajaran berlangsung. Namun begitu, apabila pelajar menyewa di rumah sewa ini terdapat pelbagai masalah yang timbul seperti suasana yang bercampur dengan orang awam lain menyebabkan suasana bising serta mengganggu ketenteraman pelajar untuk belajar. Selain itu, bayaran rumah sewa terlalu mahal jika dibandingkan dengan kemudahan yang disediakan menyebabkan perbelanjaan bulanan seseorang pelajar meningkat. Sebenarnya ramai pelajar miskin di institusi pengajian tinggi (Bakar et al., 2024; Razman et al., 2025). Bukan sahaja miskin, malah mereka memerlukan bantuan kewangan seperti zakat seperti yang dibincangkan dalam kajian Ngadiman et al. (2016). Di samping itu juga, aspek keselamatan juga menjadi kerisauan terutamanya dari ibubapa pelajar kerana bilik sewa ini juga didiami oleh orang awam lain dan tiada peraturan dikenakan kepada para penyewa. Berdasarkan kepada tinjauan awal yang dijalankan oleh pensyarah PMBS, terdapat 46.3% pelajar menyatakan bahawa masalah tempat kediaman mereka berada di tahap sederhana. Manakala 27.8% menyatakan masalah ini berada di tahap yang tinggi dan 14.8% menyatakan masalah ini berada di paras yang sangat tinggi dan perlu diselesaikan segera. Selain itu, hanya 11.1% sahaja pelajar yang menyatakan masalah ini berada di tahap yang rendah dan tiada pelajar menyatakan masalah ini di tahap yang sangat rendah. Oleh itu, berdasarkan kepada tinjauan awal ini, boleh disimpulkan bahawa masalah kediaman pelajar di Politeknik METrO Betong Sarawak perlu diambil perhatian sewajarnya oleh pihak institusi.

ObjektifKajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti strategi utama yang perlu diambil untuk mengatasi masalah kediaman dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak.

SorotanKajian

Peranan asrama dalam membentuk sahsiah pelajar tidak boleh dipandang remeh. Asrama menyediakan persekitaran yang berasingan daripada pengaruh luar, termasuk ibu bapa, yang memfokuskan penghuninya kepada pembelajaran dan disiplin. Kajian menunjukkan bahawa

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

kehidupandiasramadapatmemberiruangkepadapelajaruntukberkembang berdikari, membentukjatidiri,danmeningkatkankesedaransosialmereka(Likaetal.,2022). Tambahan pula, faktordisiplinyangditerapkandalampersekitaranasramajugadianggap penting dalam membantupelajarmencapaipencapaianakademikyangbaik,dimanapenerapan disiplin pembelajaranyangketatberpotensimendorongmerekauntuklebihfokusdan teratur dalam prosespembelajaran(Lelboy,2021).Penerimaandanpenciptaaniklimsosio-akademik yang positifdiasramajugamemberiimpakyangketarakepadapencapaianakademik pelajar. Persekitaransosialyangmenyokong,sepertisokongandaripadarakansebaya dan mentor asrama,bolehmenggalakkanpelajarmelibatkandirisecaraaktifdalampembelajaran dan mencapai keputusan yang lebih baik (Utari et al., 2015). Namunbegitu,terdapatkajiandijalankanberkaitandenganmasalahkediaman pelajar di Malaysia(Abdullahetal,2021;Aliasetal.,2021;Roslietal.,2023).Ketiadaan asrama menyebabkankosperbelanjaandigunakanuntukmembayarsewayangbanyak dalam setiap bulan.Iniakanmenyukarkanbagipelajardarikumpulan B40,dimanamereka pun mendapat pelbagaibantuansepanjangpengajian(Yahaya&HayatAdnan,2021).Secara amnya, setiap pelajarperlumengagihkanperbelanjaanmerekasecarateratursupayamampumembayar sewa setiapbulan.Merekaterpaksaperlumenghadkanduitmerekauntuksetiapperbelanjaan yang merekalakukan.Initelahditerangkandalamkajian Hasfazli&Ramli(2021)yang menjelaskan bahawakebanyakanpelajarmasakinimenghadapikrisiskewangan.Dalamkajian Khan et al. (2020),menjelaskanbahawapenginapanhostelmerupakanperkarapentingdalam kehidupan pelajarkeranabolehmempengaruhiprestasiakademikpelajar.Masalahpenginapan pelajar bukansahajaberlakudinegaraini,bahkanberlakujugadiluarnegara(Timothy et al., 2024; Jafiya et al., 2020).

Metodologi Kajian

Instrumenkajianiniadalahmenggunakanborangsoalselidikyangdiedarkan secara dalam talian.Sampelkajianadalahdalamkalanganpelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS).Bilangansampleadalahseramai53orangpelajardarisemester1sehingga semester 6. Peneranganberkaitanlatarbelakangrespondenadalahsepertiyangditunjukkan dalam Rajah 2. Teknikpengumpulandataadalahmenggunakanpensampelanrawak.Manakala analisis yang digunakandalamkajianiniadalahAnalisisDeskriptifiaitumenggunakanperatusan untuk menggambarkanstrategiyangpalingberkesanuntukmengatasimasalahtempat kediaman pelajar di Politeknik METrO Betong Sarawak.

Hasil Kajian

a) Latar belakang responden

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Kumpulan	Kategori	Peratus(%)
Jantina	Lelaki	18.5
	Perempuan	81.5
Semester	1	11.1
	2	16.7
	3	38.9
	4	16.7
	5	9.3

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

	Latihan Industri 1.00 ke	7.3
HPNM	bawah	1.9
	1.00 - 2.00	0.0
	2.00 - 2.99	22.2
	3.00 - 3.33	33.3
	3.43 - 3.67	16.7
	3.68 - 4.00	25.9
	Tiada HPNM (Semester 1)	0.0
Pendapatan Ibubapa	RM1000 - RM4849	90.7
	RM4850 - RM10959	7.4
	RM10960 dan ke atas	1.9

Jadual 1 menunjukkan responden terdiri daripada 53 pelajar dari PMBS. Responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu sebanyak 81.5%, manakala lelaki hanya 18.5%. Dari segi semester, bilangan paling ramai adalah pelajar Semester 3 iaitu 38.9%, diikuti Semester 2 dan 4 masing-masing 16.7%, manakala pelajar Semester 1 hanya 11.1%. Dari aspek pencapaian akademik (HPNM), sebahagian besar pelajar mencatat antara 3.00 – 3.33 (33.3%), manakala 25.9% memperoleh HPNM antara 3.68 – 4.00, menunjukkan prestasi akademik yang baik. Seterusnya, analisis pendapatan ibu bapa mendapati majoriti pelajar (90.7%) berasal daripada keluarga dengan pendapatan RM1000 – RM4849, manakala hanya sebilangan kecil (7.4% dan 1.9%) berasal daripada keluarga berpendapatan lebih tinggi..

b) Analisis Dapatan Kajian: Strategi pilihan pelajar untuk mengatasi masalah kediaman dalam kalangan pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak.



Rajah 1: Cadangan Penyelesaian Isu Rumah Pelajar PMBS

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 8 Issues: 28 [September, 2025] pp. 17 - 22]
Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)
eISSN: 2637 -0956
Journal Website: https://academicinspired.com/jossr
DOI: 10.55573/JOSSR.082802

